

2024

NOTA PECUTAN SPM

قنديل يقز إسلام

Disediakan oleh :
Mohd Fadhli Bin Che Kamarudin
SMK Kuala Krai, Kelantan
Tel : 019-9791441

KANDUNGAN

PELAJARAN	TAJUK	MUKA SURAT
	BIDANG AL-QURAN	
Tingkatan 4	Larangan Rasuah	2
Tingkatan 4	Memahami Sunnatullah	2
Tingkatan 4	Larangan Mempersendakan Agama	3
Tingkatan 5	Dakwah Pemacu Kejayaan	3
Tingkatan 5	Ciri-Ciri Mukmin Berjaya	4
Tingkatan 5	Memahami Keutamaan Dalam Tindakan	6
Tingkatan 5	Kepelbagaian Bangsa Dalam Islam	7
Tingkatan 4/5	Hukum Tajwid	7
	BIDANG HADIS	
Tingkatan 4	Kemuliaan Berdikari	9
Tingkatan 4	Hindari Dosa-Dosa Besar	10
Tingkatan 5	Setiap Orang Ialah Pemimpin	12
Tingkatan 5	Tujuh Golongan Yang Mendapat Naungan Allah	13
	BIDANG AKIDAH	
Tingkatan 4	Perkara Yang Membatalkan Iman	14
Tingkatan 4	Hindari Ajaran Sesat	15
Tingkatan 4	Al-Muntaqim : Allah Maha Pembalas	15
Tingkatan 4/5	AL-Jabbar / Al-Raqib / Al-Syahid	16
Tingkatan 5	Akidah Ahli Al-Sunnah Wal-Jamaah	17
	BIDANG FEKAH	
Tingkatan 4	Haji Dan Umrah	18
Tingkatan 4	Sembelihan	20
Tingkatan 4	Korban	21
Tingkatan 4	Akikah	22
Tingkatan 4	Muamalat Dalam Islam	23
Tingkatan 4	Jenis Akad Dalam Muamalat Islam	24
Tingkatan 4/5	Solat Sunat Duha / Solat Sunat Gerhana / Solat Sunat Istikharah	25
Tingkatan 5	Solat Sunat Tasbih / Perkahwinan	26
Tingkatan 5	Merisik Dan Meminang	27
Tingkatan 5	Mahar / Walimatul ‘Urus / Kemahiran Keibubapaan	28
Tingkatan 5	Isu-isu Dalam Perkahwinan	29
Tingkatan 5	Idah	31
Tingkatan 5	Rujuk / Nusyuz / Poligami	32
Tingkatan 5	Hadanah / Anak Angkat	33
Tingkatan 5	Wasiat Dalam Islam	34
Tingkatan 5	Faraid Dalam Islam	35
Tingkatan 5	Jenayah Dalam Islam	36
	BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM	
Tingkatan 4	Kerajaan Khulafa’ Al-Rasyidin	38
Tingkatan 4	Kerajaan Umaiyah	40
Tingkatan 4	Kerajaan Abbasiyah	41
Tingkatan 4	Keunggulan Tokoh Empat Mazhab	42
Tingkatan 5	Kerajaan Uthmaniyah	44
Tingkatan 5	Salahuddin Al-Ayubi	45
Tingkatan 5	Hasan Al-Banna / Ahmad bin Ibrahim	46
	BIDANG AKHLAK ISLAMIAH	
Tingkatan 4	Bersikap Benar Menjauhkan Kemunafikan / Adab Terhadap Orang Sakit	47
Tingkatan 4	Adab Terhadap Orang Kurang Upaya / Khauf dan Raja’	48
Tingkatan 4	Wasatiyah Menjamin Kecemerlangan Umat	49
Tingkatan 5	Tawaduk Menzahirkan Kesucian / Istiqamah Jalan Menuju Mujahadah	50
Tingkatan 5	Alam Sekitar Penenang Hati / Sifat Mazmumah Meracuni Hati	51
	Panduan Mudah Menjawab Soalan	52

TAJUK : LARANGAN RASUAH

Cara batil / salah mangambil harta orang lain

- Salah guna kuasa
- **Menipu**
- **Mencuri**
- Riba
- **Judi**
- **Merompak**
- Rasuah

Maksud Rasuah

- Sebarang **pemberian atau suapan** yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.kepada pesalah

Bentuk kesalahan rasuah

- Meminta atau **menerima rasuah**
- Menawarkan atau **memberikan rasuah**
- Menyalahgunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan tertentu
- Mengemukakan **tuntutan palsu**

Contoh perbuatan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan

MEMALSUKAN KEBENARAN	MEMBENARKAN KEPALSUAN
Contohnya : Memberikan rasuah kepada seseorang agar **menyimpan rahsia** supaya kebenaran tidak dibongkarkan.	Contohnya : Memberikan rasuah untuk **meluluskan tender** sehingga menutup peluang orang lain yang lebih layak

Kesan perbuatan rasuah

Terhadap Individu	• Allah SWT dan RasulNya **melaknat** pemberi dan penerima rasuah. • Menjadikan individu **hilang harga diri** kerana perbuatan itu berdosa.
Masyarakat	• Meningkatkan **kes jenayah** dalam masyarakat kerana sifat mementingkan diri sendiri.
Negara	• **Melumpuhkan ekonomi** negara akibat daripada kos pengurusan yang meningkat

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah mencari **rezeki yang halal** agar tidak menyalahi Syariat Islam.
- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan **rasuah** supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.

TAJUK : MEMAHAMI SUNNATULLAH

Perang Uhud berlaku pada tahun **ke-3H / tahun 625M** antara **tentera Islam dgn kaum kafir Quraisy.** Dinamakan **Perang Uhud** kerana berlaku di **Bukit Uhud.**

Maksud Sunnatullah

- **Sistem / peraturan yang ditetapkan Allah terhadap semua makhluk & tiada siapa yang boleh mengubahnya**

Sebab turun ayat

- Selepas para sahabat dan Nabi SAW kalah dalam Perang Uhud, Rasulullah SAW mengadu dan memohon bantuan Allah, lalu turunlah ayat ini.

Konsep Sunnatullah

- Bersifat **tetap dan kekal**
- Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabab dan akibat.
- **Merangkumi semua makhluk**

Kesan memahami Sunnatullah

- **Merancang strategi dgn teliti** dlm setiap tindakan utk mencapai kejayaan.
- **Menerima ketetapan Allah** dgn bersikap positif dalam setiap keadaan
- Membentuk jati diri & semangat jihad yg tinggi berdepan dengan cabaran kehidupan.

Sebab Kejayaan Umat terdahulu

- **Kaum Nabi Yusuf a.s :** Menyimpan bekalan semasa musim menuai / **Akibat** : Selamat hadapi kemarau 7 thn
- **Talut & tentera :** Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan & tubuh yg kuat. / **Akibat** : Dpt tewaskan tentera Jalut yang ramai.

Sebab Kemusnahan Umat terdahulu

- **Kaum Tsamud :** Bersikap angkuh & menuduh Nabi Soleh a.s. pendusta / **Akibat** : Petir & gempa bumi dahsyat
- **Kaum Lut :** Ingkar perintah Allah dgn mengamalkan homoseksual / **Akibat** : Dibinasakan dgn bumi diterbalikkan.

Kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu

- Dapat mengenal pasti **sebab kejayaan** umat terdahulu.
- Dapat mengetahui **sebab kemusnahan** umat terdahulu

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **menjaga keimanan** agar selamat dunia akhirat
- Kita hendaklah **mengkaji sejarah umat terdahulu** agar menjadi pedoman

TAJUK : LARANGAN MEMPERSENDA AGAMA

Maksud kalimah yang bergaris dalam ayat :

لَعِبًا وَلَهْوًا = permainan dan gurauan

وَعَذَابٌ أَلِيمٌ = dan azab yang pedih

Bentuk perbuatan mempersenda agama

- Bangga mempersendakan **nama Allah**
- Mengejek **Sunnah Rasulullah SAW**
- Menghina golongan **ulamak**
- Menyanjung perbuatan **maksiat**

Cara menjaga kesucian Islam

- **Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW** agar maruah terpelihara.
- **Meningkatkan kualiti ibadat fardu dan sunat** demi menjamin keutuhan akidah
- **Memperkasakan program keilmuan** berbentuk bimbingan seperti ceramah dan forum agama

Kesan mempersenda agama

- Boleh **membatalkan iman**
- **Tidak dipandang** oleh Allah di akhirat
- **Tidak mendapat kejayaan** di dunia dan di akhirat

Balasan mempersenda Islam

- Ditimpakan **azab yang pedih** di neraka
- Diberi minuman **air panas yang menggelegak** di akhirat

Golongan yang sering mempersendakan agama :

- Musyrik
- Munafik
- Murtad
- 'Asi

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **mempertahankan kesucian Islam** dengan pendekatan yang terbaik.
- Kita hendaklah **menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama** agar hidup diberkati Allah

TAJUK : DAKWAH PEMACU KEJAYAAN

Muqri' (pakar rujuk tilawah al-Quran)

- Ubay bin Ka'ab
- Muaz bin Jabal
- Abdullah bin Masúd

Tuntutan dalam ayat 33, surah Fussilat

- **Berdakwah**
- **Beramal soleh**
- Menjadikan **Islam sebagai cara hidup**

Maksud Dakwah

- **Menyeru** supaya **melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah** dan **meninggalkan laranganNya**.

Maksud Berdakwah

- Mengajak dan menyeru supaya takut kepada Allah SWT dengan pendekatan terbaik.

Cara berdakwah / Pendekatan terbaik dalam berdakwah

- Berdakwah dengan hikmah
- Nasihat yang baik
- Perdebatan yang baik

- Menunjukkan contoh teladan yang baik

Kepentingan dakwah dalam masyarakat

- Merupakan sunnah Rasulullah SAW
- Membimbing masyarakat ke jalan yang benar
- Merupakan tugas yang mulia di sisi Allah SWT

Maksud Beramal Soleh

- Perbuatan baik yang dilakukan mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah

Contoh amalan soleh

- **Ibadah khusus** : Contoh solat, puasa dan zakat
- **Ibadah umum** : Contoh berakhlak mulia dan menolong orang lain

Maksud menjadikan Islam sebagai cara hidup

- Setiap muslim dituntut supaya **melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan**

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **berdakwah** kerana dakwah ialah Sunnah Rasulullah SAW
- Kita hendaklah **beramal soleh** agar hidup diberkati Allah

TAJUK : CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA

Ciri-ciri mukmin berjaya

- **K**husyuk dalam solat
- Menunaikan **Z**akat
- Menjaga ke**H**ormatan diri
- Menjaga **A**manah dan **J**anji
- Sentiasa memelihara **S**olat
- Beriman kepada Allah

Maksud bagi setiap ciri-ciri orang mukmin yang berjaya

Beriman kepada Allah SWT	Orang yang sentiasa meyakini bahawa hanya Allah SWT yang berhak disembah dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan laranganNya.
Khusyuk dalam solat	Menumpukan sepenuh hati dan penghayatan dengan cara menetapkan anggota, memahami bacaan dan perbuatan ketika solat.
Menjauhi perbuatan dan perkataan yang sia-sia	Menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang tidak mendatangkan faedah atau perkara yang merosakkan akhlak. **Contoh perbuatan sia-sia :** Melepak / Merokok / Leka bermain peranti (gajet) **Contoh perkataan yang sia-sia :** Mencarut / Berbual kosong ketika belajar
Menunaikan zakat	• Mengeluarkan sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. • Zakat yang diwajibkan oleh syarak ialah zakat fitrah dan zakat harta.
Menjaga kehormatan diri	Menjaga dan mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak seperti zina, sumbang mahram dan hubungan seks luar tabi'i.
Menjaga amanah dan janji	Menjaga tanggungjawab dalam setiap urusan. Contohnya dalam urusan pekerjaan, harta benda dan kerahsiaan.
Memelihara solat	Menunaikan solat pada waktunya dengan menyempurnakan segala syarat dan rukunnya.

Cara mendapat khusyuk dalam solat

- Memahami setiap maksud ayat dan lafaz yang dibaca
- Menumpukan pandangan ke tempat sujud
- Tidak berpaling ke kiri dan kanan

Kesan khusyuk dalam solat terhadap pembentukan peribadi yang unggul

- Menjadikan seseorang berdisiplin tinggi kesan daripada solat yang berkualiti
- Dapat melahirkan seseorang yang cemerlang kerana sentiasa istiqamah

Maksud Lagha

- Perkara yang sia-sia sama ada perbuatan atau percakapan yang tidak mendatangkan faedah.

Kesan melakukan perbuatan lagha / sia-sia

Terhadap Individu	Terhadap Masyarakat
• Hidup tidak akan berjaya • Dipandang hina oleh orang lain	• Masyarakat menjadi mundur • Menjatuhkan maruah umat Islam

Cara menjauhi diri daripada perbuatan lagha

- Menghadiri ke majlis-majlis Ilmu seperti majlis bacaan kitab dan ceramah di masjid
- Berdamping dengan ulamak agar dapat mencontohi kebaikan mereka

Faktor remaja melakukan perbuatan dan perkataan yang sia-sia

- Iman yang lemah kerana sering melakukan maksiat
- Terpengaruh dengan rakan sebaya kerana ingin berseronok
- Kurang kasih sayang ibu bapa sehinggakan anak banyak menghabiskan masa di luar

Kepentingan / Peranan zakat terhadap kehidupan masyarakat

- Dapat memberi bantuan kewangan kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran supaya boleh mengubah kehidupan mereka
- Dapat membantu fakir miskin keluar daripada belenggu kemiskinan dengan menjalankan perniagaan hasil bantuan zakat

TAJUK : CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA

Salah laku seksual berserta contohnya

	Zina	Sumbang Mahram	Hubungan Seks Luar Tabi'i
Maksud	Melakukan persetubuhan haram tanpa nikah yang sah antara lelaki dengan perempuan	Melakukan persetubuhan haram antara lelaki dengan perempuan yang diharamkan berkahwin kerana keturunan, penyusuan dan persemendaan	Melakukan persetubuhan haram dengan cara yang bertentangan dengan tabiat semulajadi manusia.
Contoh	Persetubuhan haram antara pasangan kekasih	Persetubuhan haram dengan bapa kandung, bapa tiri, adik-beradik kandung atau adik-beradik tiri.	Liwat, musahaqah (lesbian), onani dan persetubuhan dengan haiwan.

Akibat salah laku seksual terhadap masyarakat

- Mencetuskan pelbagai perbuatan jenayah
- Menyebabkan keruntuhan institusi keluarga
- Menggugat keharmonian hidup bermasyarakat

Langkah mencegah salah laku seksual dalam masyarakat

- Mengenakan hukuman yang setimpal agar orang ramai sedar dan insaf.
- Menjauhi pergaulan bebas agar maruah diri terpelihara.
- Mengajak masyarakat menghadiri majlis Ilmu agar mendapat kefahaman agama

Contoh berpakaian yang menepati syariat Islam

- Berpakaian menutup aurat sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam
- Memakai pakaian atau tudung yang menutup bahagian dada
- Memakai pakaian yang tidak ketat sehingga menampakkan bentuk badan

Sebab Islam menyuruh umatnya menjaga kehormatan diri

- Terhindar daripada maksiat, zina dan perkara keji
- Umat Islam akan dipandang mulia
- Supaya hidup menjadi tenteram dan aman
- Disenangi oleh masyarakat

Ciri-ciri amanah

- Menyampaikan hak kepada pemiliknya
- Tidak mengambil sesuatu melebihi haknya
- Tidak mengurangi hak orang lain

Cara / Contoh pelajar yang menunaikan amanah dan janji

- Melaksanakan segala tugas dengan sempurna seperti kerja sekolah
- Tidak memungkiri janji
- Tidak mengkhianati apa-apa yang diamanahkan

Sebab Allah memerintahkan manusia menunaikan amanah & menepati janji

- Supaya terselamat dari azab Allah
- Menghasilkan kerja yang baik dan berkualiti
- Supaya mendapat kepercayaan orang ramai

Cara anda memelihara solat

- Menunaikan solat di awal waktu
- Menunaikan solat dengan sempurna dari segi rukun dan syarat sah
- Menyempurnakan solat dengan khusyuk
- Mengerjakan solat secara berjemaah

Kesan terhadap orang yang memelihara solat

- Membentuk disiplin dan jati diri yang mantap
- Melahirkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian
- Memperolehi kejayaan yang cemerlang di dunia dan akhirat

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah menjaga **amanah dan janji** agar integriti muslim terpelihara.
- Kita hendaklah sentiasa **memelihara solat** untuk melahirkan individu yang berdisiplin.
- Kita hendaklah menunaikan **solat dengan khusyuk** agar menjadi hamba yang bertakwa.
- Kita hendaklah menjaga **kehormatan diri** agar terpelihara daripada penyakit berbahaya.

TAJUK : MEMAHAMI KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN

Sebab turun ayat

- Beberapa sahabat bincang amalan utama selepas pembukaan Mekah. Percakapan mereka ditegur oleh Sayidina Umar kerana meninggikan suara. Kemudian Sayidina Umar mengadu kepada Rasulullah SAW.

Maksud Fiqh al-Aulawiyyat

- **Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak**

Bidang Pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat

Bidang Pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat				
Bil	**Bidang**	**Prinsip Am**	**Aplikasi**	
1	**ILMU DAN PEMIKIRAN**	Mengutamakan usaha untuk menuntut ilmu dan memahaminya berbanding dengan melaksanakan sesuatu amalan.	**a)**	Mengutamakan ilmu fardu 'ain berbanding dengan ilmu fardu kifayah. ***Contohnya :*** Mengutamakan ilmu menunaikan solat yang betul berbanding dengan ilmu lain.
			b)	Mengutamakan ilmu fardu kifayah yang menjadi keperluan semasa dan pelengkap bagi umat Islam. ***Contohnya :*** Mengutamakan mempelajari ilmu dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.
2	**AMALAN**	Mengutamakan amalan yang banyak manfaat berbanding dengan amalan yang kurang bermanfaat.	**a)**	Mengutamakan amalan yang banyak manfaat kepada masyarakat berbanding dengan amalan yang kurang bermanfaat mengikut keperluan dan situasi. ***Contohnya :*** Mengutamakan bersedekah berbanding dengan gotong-royong
			b)	Mengutamakan aktiviti kemasyarakatan berbanding dengan ibadat sunat yang berbentuk peribadi. ***Contohnya*** : Mengutamakan program berbentuk kebajikan masyarakat berbanding dengan memperbanyak amalan sunat untuk peribadi.
3	**TUNTUTAN SYARAK**	Mengutamakan perkara pokok berbanding dengan perkara cabang.	**a)**	Mengutamakan amalan fardu 'ain berbanding dengan fardu kifayah ***Contohnya*** : Mengutamakan pelaksanaan zakat yang wajib sebelum bersedekah.
			b)	Mengutamakan amalan fardu berbanding dengan amalan sunat. ***Contohnya*** : Mengutamakan membantu ibu bapa berbanding iktikaf.
			c)	Menguasai akidah berbanding dengan perkara syariah. ***Contohnya*** : Mempelajari asas-asas akidah Islam terlebih dahulu sebelum memperhalusi isu-isu fiqah.

Prinsip asas Fiqh al-Aulawiyyat

- Bersumberkan **dalil syarak**
- Mengambil kira tahap **keupayaan individu**
- Mengambil kira **keperluan semasa dan setempat**

Perkara Pokok (Usul) : Perkara asas dalam Islam seperti keimanan kepada Allah SWT.
Perkara Cabang (Furu') : Perincian kepada pelaksanaan perkara pokok seperti hukum pelaksanaan solat berjemaah.

Kepentingan Fiqh al-Aulawiyyat

- **Terhadap Individu** : a) Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik
  b) Membuahkan hasil kerja yang berkualiti dan efektif
- **Terhadap Masyarakat** : a) Mewujudkan kesejahteraan sosial dlm melestarikan pengurusan kehidupan
  b) Mewujudkan masyarakat yg berjaya menguruskan sistem kehidupan yg cekap

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **berhijrah kepada yang lebih baik** agar hidup diberkati Allah.
- Kita hendaklah **berjihad dengan harta dan tenaga** agar dapat ganjaran besar di sisi Allah

TAJUK : KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

sesungguhnya kami telah menciptakan kamu	lelaki dan perempuan	pelbagai bangsa	supaya kamu saling berkenalan	Orang yang paling bertakwa

Sebab turun ayat

- Rasulullah SAW meminta Sayidina Bilal r.a melaungkan azan semasa pembukaan Kota Mekah. / Terdapat sahabat yang memandang rendah kepada Sayidina Bilal r.a. dan Jibril a.s telah memberitahu Rasulullah SAW hal tersebut, lalu turunlah ayat ini.

Isi kandungan / Tuntutan dalam ayat

- Tuntutan **saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa**
- **Keutamaan takwa**

Konsep / Tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa

- **Menjalin perpaduan** dan perhubungan yang harmoni
- Menjalin **hubungan dengan orang bukan Islam** selagi mereka tidak memusuhi Islam
- Menggalakkan interaksi & **kerjasama** yang akan saling melengkapi antara satu sama lain.

Keutamaan takwa

- Manusia adalah **sama di sisi Allah**.
- Allah tidak melihat jantina atau bangsa tetapi **Allah memandang hati dan amalan** hambaNya

Pengajaran ayat

- Kita hendaklah **saling bekerjasama** untuk membina kehidupan yang harmoni.
- Kita hendaklah berusaha untuk membaiki akhlak supaya menjadi **insan bertakwa**
- Kita hendaklah menghormati **kepelbagaian bangsa** agar hidup bersatu-padu

HUKUM TAJWID

Mad Silah

Maksud Mad Silah	Bahagian Mad Silah	Cara Bacaan	Contoh
Mad yang terdapat selepas huruf Ha Dhomir (هـ) yang berbaris kasrah 'bawah', atau berbaris dhommah 'depan'	**MAD SILAH QASIRAH**	**2 Harakat**	رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ
	MAD SILAH TOWILAH	**4 atau 5 Harakat**	رَبِّهِۦٓ أَحَدًا

Qalqalah

Maksud Qalqalah	Bahagian Qalqalah	Cara Bacaan	Contoh
Bunyi lantunan ketika menyebut huruf-huruf Qalqalah (ق / ط / ب / ج / د)	Qalqalah Sughra	Bunyi lantunan yg **rendah**	وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا
	Qalqalah Kubra	Bunyi lantunan yang **kuat**	وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾
	Qalqalah Akbar	Bunyi lantunan **lebih kuat**	بِٱلْحَقِّ

Ibtida'

Maksud Ibtida'	Jenis Ibtida'	Hukum Bacaan
Memulakan bacaan al-Quran selepas wakaf	**Ibtida' Hasan :** Memulakan bacaan pada kalimah yang dapat difahami maknanya serta tidak bersalahan dengan maksud yang dikehendaki Allah SWT	Harus
	Ibtida' Qobih : Memulakan bacaan pada kalimah yang tidak menyampaikan maksud yang sebenar atau boleh mengubah makna yang dikehendaki Allah	Tidak harus

HUKUM TAJWID

Mad Lazim

Maksud Mad Lazim مد لازم		Huruf Mad bertemu dengan huruf yang bertanda sukun 'mati' ketika bacaan secara wasal atau waqaf	
Cara Bacaan		6 Harakat.	
Bahagian Mad Lazim		**Keterangan**	**Contoh**
MAD LAZIM KALIMI : Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun dalam satu kalimah	**1**	**Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf** Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang tidak bersyaddah (bersabdu) dalam satu kalimah dan tidak dibaca secara idgham	ءَآلْـَٰٔنَ
	2	**Mad Lazim Kalimi Mutsaqqal** Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang bersyaddah (bersabdu) dalam satu kalimah dan dibaca secara idgham.	وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ۝٧ ٱلْحَآقَّةُ ۝١
MAD LAZIM HARFI : Huruf Mad yang terdapat pada Fawatih As-Suwar bertemu huruf yang bertanda sukun (mati) yang ejaannya menjadi hukum Mad Asli	**1**	**Mad Lazim Harfi Mukhaffaf** Huruf Mad yang terdapat pada Fawatih As-Suwar bertemu huruf bertanda sukun (mati) yang tidak dibaca secara idgham	عٓسٓقٓ ۝٢ يٰسٓ ۝١
	2	**Mad Lazim Harfi Mutsaqqal** Huruf Mad yang terdapat pada Fawatih As-Suwar bertemu huruf bertanda sukun (mati) yang dibaca secara idgham	الٓمٓ ۝١ طٰسٓمٓ ۝١

Wakaf

Jenis Wakaf	Maksud
Wakaf Tam	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, dan **tidak mempunyai kaitan** dengan ayat selepasnya dari sudut **lafaz dan makna**
Wakaf Kafi	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi **mempunyai kaitan** dengan ayat selepasnya dari sudut **makna, bukan lafaz.**
Wakaf Hasan	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi **mempunyai kaitan** dengan ayat selepasnya dari sudut **lafaz dan makna.**
Wakaf Qobih	Wakaf pada ayat yang **mengubah makna sebenar** atau yang **tidak sempurna makna**, kerana mempunyai kaitan dengan kalimah selepasnya dari **sudut lafaz** dan makna.

فواتح السور (Fawatih As-Suwar) :

Huruf Hijaiyah yang terletak pada permulaan surah.

إدغام (Idgham) :

Dimasukkan bunyi huruf pertama kepada huruf yang kedua.

Tanda Wakaf	Cara Bacaan
م	Wajib wakaf
∴ ∴	Harus wakaf pada salah satu tempat
قلى	Wakaf lebih utama
ج	Harus wakaf atau wasal
صلے	Wasal lebih utama

HUKUM TAJWID

Hukum Ra ر

Hukum Bacaan Ra	Cara Bacaan	Contoh
Ra Tafkhim ("ر" تفخيم)	Dibaca dengan **menebalkan** bunyi sebutan ر **"RA"**	رَبَّنَا وَإِذْ يَرْفَعُ قِرْطَاسٍ ٱرْجِعُوٓاْ إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ ٱلْكَوْثَرَ ﴿١﴾
Ra Tarqiq ("ر" ترقيق)	Dibaca dengan **menipiskan** bunyi sebutan ر **"RA"**	وَرِزْقٌ كَرِيمٌ وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ قَدِيرٌ ﴿٤٠﴾ بِسْمِ ٱللَّهِ مَجْرٖىٰهَا وَمُرْسَىٰهَآ

TAJUK : KEMULIAAN BERDIKARI

Pekerjaan para Nabi / Rasul

NAMA NABI	PEKERJAAN
Nabi Adam a.s	Petani
Nabi Idris a.s	Tukang jahit
Nabi Musa a.s	Penternak kambing
Nabi Daud a.s	Tukang besi
Nabi Zakaria a.s	Tukang kayu
Nabi Muhammad SAW	Pengembala kambing dan Peniaga

Maksud kalimah yang bergaris dalam hadis:

ظَهْرِهِ = belakangnya

فَيُعْطِيَهُ = maka memberi kepadanya

Maksud Berdikari

- **Berusaha sendiri** dan **tidak bergantung** pada bantuan orang lain.

Konsep berdikari

- **Menyakini kemampuan diri** untuk melaksanakan sesuatu tugas.
- **Berusaha dengan bersungguh-sungguh** untuk menyara kehidupan.
- **Membebaskan diri daripada bergantung** pada pihak lain

Kelebihan berdikari

- **Agama :** Menjadikan **Islam dipandang tinggi**
- **Ekonomi :** Masyarakat mendapat **sumber pendapatan** yang diyakini **halal**.
- **Pendidikan :** Melahirkan modal insan yang pakar melalui penerokaan ilmu
- **Kemasyarakatan : Memperkasakan daya saing** masyarakat untuk meningkatkan taraf hidup.

Pengajaran hadis

- Kita hendaklah **membantu orang lain** ikut keupayaan agar hidup dirahmati Allah
- Kita hendaklah **menghindari perbuatan meminta-minta** dan bergantung pada orang lain agar maruah diri terpelihara.

Cara mencapai kejayaan secara beradab dan istiqamah

- Mendalami ilmu secara berterusan tentang perkerjaan yang ingin dilakukan.
- Berusaha bersungguh-sungguh tanpa menjatuhkan orang lain

TAJUK : HINDARI DOSA-DOSA BESAR

Dosa besar yang terkandung dalam hadis

- Syirik
- Sihir
- Membunuh
- Menuduh perempuan yang beriman dan suci berzina (Qazaf)
- Makan riba
- Makan harta anak yatim
- Lari daripada medan perang

Maksud al-Mubiqat (الْمُوبِقَاتُ)

- Ialah al-Muhlikat (المُهْلِكَاتُ), iaitu : Perkara yang membinasakan atau merosakkan.

Maksud Syirik, contoh syirik dan kesan perbuatan syirik

BAHAGIAN	SYIRIK JALI (NYATA)	SYIRIK KHAFI (TERSEMBUNYI)
Maksud	Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan amal perbuatan	Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah SWT
Contoh	* Menyembah berhala * Meyakini Nabi Isa a.s sebagai anak Allah. * Meyakini alam dikuasai oleh selain Allah SWT.	* RIAK : - Melakukan solat kerana mengharapkan pujian manusia * 'UJUB : - Berasa hebat dengan amalan sendiri * TAKABBUR : - Sombong dengan kelebihan duniawi yang dilakukan
Akibat/ Kesan	• Merosakkan akidah • Mendapat azab di neraka	• Merosakkan pahala amalan • Dimurkai oleh Allah

Maksud Sihir, contoh sihir, kesan sihir dan amalan menghindari sihir

Maksud Sihir	Perbuatan yang memudharatkan orang lain dengan bantuan Jin.
Contoh Sihir	• Santau - Pukau • Minyak pengasih - Pelaris
Kesan Sihir	Individu : - Menyebabkan kematian - Mengakibatkan kesakitan tubuh badan Masyarakat : - Mencetuskan pergaduhan - Memporak-perandakan rumah tangga
Surah khusus daripada al-Quran / Amalan Menghindari Sihir	• Membaca surah al-Fatihah. - Membaca ayat Kursi • Membaca surah al-Ikhlas. • Membaca (**Surah al-Falaq** dan **Surah an-Nas**) • Membaca : بِسْمِ اللَّهِ الَّذِى لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَىْءٌ فِى الْأَرْضِ وَلَا فِى السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksud Membunuh, contoh perbuatan membunuh dan kesan membunuh

Maksud Membunuh	Perbuatan menghilangkan nyawa seseorang.
Contoh Perbuatan Membunuh	• Menembak dengan senjata api • Menikam dengan pisau • Melatakkan dengan racun dalam makanan atau minuman
Kesan Membunuh	• Menyusahkan keluarga mangsa pembunuhan • Memporak-perandakan kehidupan masyarakat

Maksud Makan riba, contoh perbuatan makan riba dan kesan perbuatan makan riba

Maksud Makan Riba	Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang.
Contoh Perbuatan Makan Riba	• Hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peratusan tertentu.
Kesan Perbuatan Makan Riba	• Mengakibatkan penindasan. • Melumpuhkan ekonomi umat Islam

TAJUK : HINDARI DOSA-DOSA BESAR

Maksud Makan harta anak yatim, contoh dan kesan perbuatan perbuatan makan harta anak yatim

Maksud Makan Harta Anak Yatim	Menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan oleh syarak
Contoh Perbuatan Makan Harta Anak Yatim	• Membelanjakannya untuk kegunaan peribadi pemegang amanah secara berlebih-lebihan • Menyalahgunakan harta anak yatim
Kesan Perbuatan Makan Harta Anak Yatim	• Mengakibatkan penindasan • Menjejaskan hubungan kekeluargaan

Maksud Lari dari medan perang, contoh dan kesan perbuatan lari dari medan perang

Maksud Lari Dari Medan Perang	Meninggalkan medan peperangan menghadapi musuh.
Contoh Perbuatan Lari Dari Medan Perang	• Melarikan diri daripada pasukan yang sedang bertempur menghadapi serangan musuh. • Enggan mempertahankan negara apabila diarahkan.
Kesan Perbuatan Lari Dari Medan Perang	• Keselamatan umat Islam dan negara akan terancam. • Negara terdedah kepada penjajahan dan campur tangan asing

Maksud Qazaf, hukuman qazaf, contoh dan kesan perbuatan qazaf

Maksud Qazaf	Menuduh wanita Islam yang baik melakukan perzinaan tanpa membawa saksi.
Hukuman Qazaf	80 sebatan.
Contoh Perbuatan Qazaf	• Percakapan atau pertuduhan yang jelas seperti “Kamu telah berzina” atau memanggil seseorang wanita “Wahai Penzina”.
Kesan Perbuatan Qazaf	**Terhadap Individu**: Menjatuhkan maruah; Memusnahkan masa depan **Terhadap Masyarakat**: Mencetuskan pergaduhan; Mewujudkan suasana tidak aman dalam masyarakat
Spektrum Ilmu	Maksud ٱلْغَافِلَات ialah orang yang bersih hati dan pemikirannya daripada terlintas dan niat untuk melakukan penzinaan dan sentiasa memelihara diri daripada terjebak ke dalam maksiat.

Faktor / Punca berlakunya syirik / sihir / membunuh / makan riba / makan harta anak yatim / qazaf dalam masyarakat

- Lemah iman
- Jahil dalam agama
- Pengaruh rakan sebaya yang berakhlak buruk

Cara anda menghindari diri dari amalan syirik / sihir / membunuh / makan riba / makan harta anak yatim / qazaf

- Bergaul dengan orang alim/soleh **agar** dapat mencontohi kebaikan mereka.
- Menghadiri majlis ilmu **agar** dapat kefahaman Islam semakin utuh

Langkah menangani perbuatan syirik / sihir / membunuh / makan riba & makan harta anak yatim / qazaf

- Memberi **didikan agama** yang sempurna agar menjauhi perbuatan yang keji
- Memberi **peringatan** tentang azab neraka yang bakal diterima di akhirat kelak.

Hikmah larangan menuduh zina (qazaf)

- Mengelakkan pergaduhan dan permusuhan dalam masyarakat
- Mengelakkan maruah seseorang daripada tercemar.

Pengajaran hadis

- Kita hendaklah menjauhi perbuatan **sihir** agar masyarakat hidup harmoni
- Kita hendaklah menjauhi perbuatan **makan riba** supaya tidak menzalimi orang lain
- Kita hendaklah menjauhi perbuatan **syirik** kerana syirik boleh merosakkan akidah

TAJUK : SETIAP ORANG IALAH PEMIMPIN

Golongan yang disebut dalam Hadis

- Suami
- Isteri
- Anak
- Pekerja
- Pemimpin

Contoh tanggungjawab bagi setiap individu

Golongan	Contoh Tanggungjawab
Pemimpin	- Menegakkan **syariat Islam** - Menyediakan infrastruktur yang lengkap - **Berlaku adil** dan menghapuskan kezaliman
Suami	- **Memberi nafkah** kepada anggota keluarga - Memberi **didikan agama** kepada isteri dan anak-anak - Melayan dan bergaul dengan isteri & anak dengan baiknya
Isteri	- **Menguruskan rumahtangga** - **Mentaati suami** dan menunaikan haknya - Menjaga maruah diri, suami dan keluarga
Pekerja	- **Mengikut arahan** ketua - **Melaksanakan tugas** dengan sempurna - Melaksanakan tugas dengan sempurnanya
Anak	- Sentiasa **mendoakan** ibu bapa - Sentiasa **membantu** mereka dengan sebaik-baiknya - Berbakti kepada ibu bapa sewaktu mereka masih hidup atau telah meninggal dunia

Maksud kalimah yang bergaris dalam hadis:

راع = pemimpin

والخادم = pekerja

الإِمَامُ رَاعٍ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

= Imam itu ialah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya

Nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya

- Mengesakan Allah
- Mendirikan solat
- Berbuat baik kepada ibu bapa
- Bersabar atas segala musibah
- Menjauhi sikap sombong

Implikasi / Kesan anak yang derhaka

- Hidup tidak diberkati Allah kerana mengguris hati ibu bapa
- Jiwa tidak tenang kerana memikirkan dosa yang dilakukan

Pengajaran hadis

- Kita hendaklah **bersikap amanah** dalam pekerjaan supaya rezeki diberkati.
- Kita hendaklah **berbakti kepada ibu bapa** kerana jasa mereka tidak terbalas.
- Kita hendaklah **melindungi anggota keluarga** agar selamat dunia dan

TAJUK : TUJUH GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH

Tujuh golongan yang mendapat naungan Allah, maksudnya berserta contohnya

TUJUH GOLONGAN	MAKSUD	CONTOH
1) Pemimpin yang adil	Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya berpandukan al-Quran dan Hadis.	▪ Memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi ▪ Mencegah kemungkaran daripada berleluasa
2) Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT	Pemuda yang memenuhi masa dengan melakukan ibadat kepada Allah SWT sama ada ibadat wajib atau sunat	▪ Melaksanakan tuntutan solat lima waktu dan ibadat puasa dengan sempurnanya ▪ Melazimi qiamullail, membaca al-Quran dan berzikir.
3) Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid	Seseorang yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadat dan kebajikan	▪ Menunaikan solat fardu secara berjemaah ▪ Menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu dan program sukan dan riadah.
4) Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT	Dua orang yang bersahabat berasaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.	▪ Sayidina Abu Bakar sentiasa mendampingi Rasulullah SAW ketika berhadapan dengan pelbagai ujian semasa berhijrah ke Madinah ▪ Persaudaraan antara kaum Muhajirin dengan Ansar sehingga sanggup menawarkan harta, tenaga dan tempat tinggal
5) Seseorang yang membenci maksiat kerana takut kepada Allah SWT	Seseorang yg membenci & menjauhi semua perbuatan yang melanggar suruhan Allah atau meninggalkan laranganNya sama ada dalam bentuk lisan, perbuatan atau hati.	▪ Menjauhi perbuatan mencuri ▪ Menghindari pergaulan bebas tanpa batasan
6) Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya	Sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah semata-mata tanpa mengharapkan pujian manusia.	▪ Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian ▪ Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid
7) Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitiskan air mata	Seseorang yang mengingati Allah SWT sama ada melalui hati atau lisan dengan penuh ikhlas dan rasa takut kepadaNya.	▪ Beristighfar dgn mengharapkan keampunan Allah SWT sehingga mengalir air mata mengenangkan dosa yang dilakukan

Maksud Naungan	• Mendapat perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari di Padang Mahsyar
Usaha untuk menjauhi maksiat	• Sentiasa menghadiri majlis ilmu • Sentiasa menghindari pergaulan bebas tanpa batasan • Sentiasa mendampingi orang soleh/kawan yang baik akhlak
Persediaan untuk menjadi generasi muda yang hebat	• Beramal dengan ilmu yang dimiliki agar kekal istiqamah • Menjauhi maksiat dan perkara keji agar hati sentiasa bersih
Pengajaran hadis	• Kita hendaklah sentiasa **berzikir** agar jiwa kita tenang • Kita hendaklah saling **mengasihi** agar hidup aman damai • Kita hendaklah menjauhi **perbuatan maksiat** agar selamat dari kemurkaan Allah

TAJUK : PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

Hukum memelihara iman daripada terbatal
- Wajib

Cara iman terbatal
- Melalui **Perkataan**
- Melalui **Perbuatan**
- Melalui **Iktikad**

Maksud batal iman melalui iktikad
- Iman terbatal dengan sebab **tidak percaya** atau **ragu-ragu** dengan perkara yang berkaitan **Uluhiyyah, Nubuwwah, Perkara Ghaibiyyat dan Syariah.**

Contoh iktikad yang batalkan iman

Al-Uluhiyyah	• Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta
	• Mengingkari sifat kesempurnaan Allah seperti Allah Maha Mendengar
Al-Nubuwwah	• Mengingkari kenabian salah seorang atau semua nabi dan rasul
	• Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan Nabi yang terakhir
Al-Ghaibiyyat	• Mengingkari kewujudan alam barzah dan hari kiamat
	• Mengingkari kewujudan malaikat dan jin
Al-Syariah	• Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.
	• Mengingkari hukum yg ditetapkan oleh Allah spt mengingkari pengharaman zina

Maksud batal iman melalui perkataan
- **Percakapan** yang mengandungi **pengakuan kufur** atau penafian akidah Islam, atau mempersendakan hukum-hakam Islam

Contoh perkataan yang membatalkan iman

1	**Pengakuan Yang Mengandungi Kufur**	• "Saya tidak lagi beragama Islam"
		• "al-Quran sudah tidak sesuai lagi diamalkan"
2	**Penafian Akidah Islam**	• "Saya tidak percaya adanya Malaikat Raqib dan Atid"
		• "Rasulullah pun buat dosa"
3	**Persendaan Hukum-hakam Islam**	• "Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi"
		• "Bilal itu telah menyalak seperti anjing"

Maksud batal iman melalui perbuatan
- Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran.

Contoh perbuatan yang membatalkan iman
- Sujud kepada berhala dengan sengaja
- Melakukan upacara ibadat agama lain.
- Mengoyak Mashaf al-Quran dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkannya

Syarat terbatalnya iman seseorang
- **Melakukan** perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.
- **Mengetahui** perkara yang dilakukan membawa kepada kekufuran
- Melakukan sesuatu perkara dengan **sengaja** tanpa paksaan.

Kesan melakukan perkara batalkan iman
- Dosa tidak diampunkan Allah sekiranya tidak bertaubat kepada Allah
- Diharamkan memasuki syurga kerana melanggar perintah Allah

Cara menjauhi perkara membatalkan iman
- **Mendalami ilmu akidah Islam** agar iman bertambah mantap
- **Bersahabat** dgn orang soleh agar dapat membimbing ke arah kebaikan
- **Berdoa** memohon petunjuk Allah agar istiqamah atas agama Islam

TAJUK : HINDARI AJARAN SESAT

Takrif / Maksud Ajaran Sesat

- Ajaran yang **didakwa sebagai ajaran Islam** sedangkan hakikatnya **bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah**.

Contoh ajaran sesat di Malaysia

- Ajaran Ayah Pin
- Taslim
- Qadiani
- Bahai

Ciri-ciri ajaran sesat

Aspek	Ciri kesesatan
Al-Quran & Hadis	- Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata - Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi
Akidah	- Mengaku menjadi nabi atau rasul - Mendakwa gurunya dapat menebus dosa - Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam al-Mahdi.
Ibadah	- Menolak kewajipan solat fardu - Menghalalkan penzinaan atas nama nikah - Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat
Akhlak	- Mengejek dan mempersendakan sahabat Nabi SAW - Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga anggap hanya kumpulannya yang benar

Kesan melakukan ajaran sesat

Aspek	Kesan Melakukan Ajaran Sesat
Agama	• Melemahkan iman dan merosakkan akidah. • Menjatuhkan imej umat Islam.
Ekonomi	• Melahirkan individu yang pasif dan malas. • Membelanjakan wang kepada perkara yang tidak berfaedah
Politik	• Menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan. • Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni akibat taksub kepada pemimpin kumpulan
Kemasyarakatan	• Membentuk individu masyarakat yg bersikap agresif & kasar. • Memutuskan hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam.

Cara menjauhi ajaran sesat

- **Berdoa** memohon petunjuk agar sentiasa berada di jalan benar.
- **Bertaubat** kepada Allah atas keterlanjuran beramal dengan ajaran sesat
- **Bersahabat** dengan orang alim supaya dapat membimbing ke arah kebaikan.

Aliran Pemikiran sesat dan salah

- **Liberalisme Agama** = Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama.
- **Pluralisme Agama** = Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan

TAJUK : AL-MUNTAQIM (ALLAH MAHA PEMBALAS)

Maksud al-Muntaqim

- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah **Maha Pembalas** dengan **menimpakan azab** terhadap orang yang **melampaui batas.**

Bukti kefahaman nama Allah al-Muntaqim

- Allah memberikan pembalasan dengan **seksaan neraka** terhadap **orang yang menolak peringatan al-Quran**
- Allah memberikan pembalasan terhadap **golongan yang menentang agamanya** setelah diutuskan rasul dan diberikan keterangan yang jelas.

TAJUK : AL-JABBAR (ALLAH MAHA PERKASA)

Maksud al-Jabbar	• Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Yang Maha **Berkuasa secara mutlak** untuk melakukan segala kehendakNya.
Kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar	• Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam dan semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah. • Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatanNya. Setiap perbuatan Allah mengandungi hikmah yang tersembunyi. • Manusia wajib bersifat merendah diri kerana Allah akan mencampakkan makhluk yang bersikap takbur dan bongkak ke dalam neraka jahanam.

TAJUK : AL-RAQIB (ALLAH MAHA MENGAWASI)

Maksud al-Raqib	• Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT **Maha Mengawasi** semua perbuatan dan keadaan makhluk.
Bukti Allah SWT bersifat al-Raqib	• Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya • Allah SWT sentiasa Mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.
Kesan beriman dengan nama Allah SWT al-Raqib	• Menjaga hubungan baik dengan Allah agar hidup diberkati. • Menjaga hubungan baik sesama makhluk agar silaturrahim terjalin. • Menghindari perbuatan maksiat kerana takut dengan pengawasan Allah.

TAJUK : AL-SYAHID (ALLAH MAHA MENYAKSIKAN)

Maksud al-Syahid	• Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT **Maha Menyaksikan** segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya.
Bukti Allah SWT bersifat al-Syahid	• Allah menjadi saksi **perutusan Rasulullah** SAW ke atas umatnya • Allah menjadi saksi **pembohongan orang-orang munafik** • Allah Maha Menyaksi dan **Menghitung segala amal** perbuatan manusia
Kesan beriman dengan nama Allah SWT al-Syahid	• Menjaga hubungan baik dengan Allah agar hidup diberkati. • Menjaga hubungan baik sesama makhluk agar silaturrahim terjalin. • Menjadikan manusia sentiasa takut dan berhati-hati dalam tindakan kerana Allah sentiasa melihat dan mendengar kata-kata mereka.

TAJUK : AKIDAH AHLI AL-SUNNAH WAL-JAMAAH

Nama lain ASWJ

- As-Salaf as-Soleh - Al-Asya'irah
- Ahlu al-Hadis - Al-Maturidiyah

Takrif Ahli Al-Sunnah Wal-Jamaah

- Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan Al-Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak.

Prinsip Ahli Al-Sunnah Wal-Jamaah

- Meyakini kewujudan perkara ghaib seperti hari akhirat, malaikat, jin dan sebagainya.
- Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud, sebelum dijadikan makhluk. Kewujudannya kekal
- Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah SWT dan ia rahmat Allah kepada manusia.
- Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman.

Kepentingan berpegang dengan akidah ASWJ

- Menjamin keamanan negara dengan kesatuan akidah
- Mendapat keredhaan Allah kerana berpegang dengan akidah yang benar
- Menjamin keharmonian hidup masyarakat kerana menghayati ajaran sebenar

Cara menangani aliran Syiah / Khawarij / Muktazilah daripada terus berleluasa:

- Memperbanyakkan majlis ilmu seperti ceramah, kuliah agama dan lain-lain.
- Memberi nasihat supaya mereka bertaubat dan kembali kepada agama Islam
- Menguatkuasakan undang-undang demi memelihara ajaran Islam.

Aliran Yang Bertentangan Dengan ASWJ	Prinsip Utama :
Sejarah / Takrif : SYIAH Kumpulan yang menuntut supaya Sayidina Ali bin Abu Talib r.a. dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW dan berkeyakinan bahawa hanya Ahlu al-Bait sahaja yang lebih baik memegang jawatan khalifah	**Prinsip Utama Syiah:** 1) Menyanjung Sayidina Ali r.a secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW. 2) Menambah nama Sayidina Ali r.a. dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW.
Sejarah / Takrif : KHAWARIJ Kumpulan pengikut Sayidina Ali Bin Abu Talib r.a. yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.	**Prinsip Utama Khawarij:** 1) Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil. 2) Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.
Sejarah / Takrif : MUKTAZILAH Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil Bin 'Ata' setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar.	**Prinsip Utama Muktazilah:** 1) ***Al-Tauhid*** : Menafikan sifat ma'ani (معاني) pada Zat Allah SWT. 2) ***Al-'Adl*** (العدل): Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT.

Pandangan ASWJ dan aliran yang bertentangan dengannya tentang beberapa isu

ISU	AHLI AL-SUNNAH WAL-JAMAAH	ALIRAN YANG LAIN
Adakah Al-Quran Makhluk?	Meyakini bahawa al-Quran merupakan Kalam Allah SWT yang bersifat Qadim (Sedia ada)	**Muktazilah** : Mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk yang bersifat hadis (baharu)
Melihat Allah SWT	Meyakini bahawa semua orang beriman dapat melihat Allah SWT pada hari akhirat kelak	**Muktazilah** : Mengatakan bahawa adalah mustahil makhluk boleh melihat Allah SWT kerana Allah tidak menyerupai makhluk
Pelaku Dosa Besar	Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat	**Khawarij** : Pelaku dosa besar dianggap kafir **Muktazilah** : Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka
Qadak Dan Qadar	Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datang daripada Allah SWT dan Allah SWT mengurniakan manusia akal untuk berfikir dengan berikhtiar untuk memilih antara baik dengan buruk.	**Muktazilah** : Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datangnya daripada manusia semata-mata
Kedudukan Iman	ASWJ mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan	**Khawarij dan Muktazilah** : Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.

Ciri-ciri pemikiran Khawarij :

- Membaca al-Quran tidak melebihi kerongkong mereka.
- Mereka keluar dari Islam sebagaimana anak panah keluar dari busurnya.

TAJUK : HAJI DAN UMRAH

Hukum menunaikan Haji dan Umrah
- Wajib sekali seumur hidup bagi setiap individu yang mukalaf dan berkemampuan.

Maksud Haji
- Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada **bulan-bulan haji** untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.

Maksud Umrah
- Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada **bila-bila masa** untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.

Bulan Haji
- Syawal - Zulkaedah - **1 – 13** Zulhijjah

Syarat wajib haji
- Islam - Baligh - Berakal
- Merdeka - Berkemampuan

Ciri-ciri berkemampuan
- Ada kenderaan pergi dan balik - Aman perjalanan
- Sihat tubuh badan
- **Perbelanjaan** : - Cukup perbelanjaan untuk buat haji & umrah pergi dan balik
  - Cukup keperluan nafkah asas bagi orang yang ditinggalkan di bawah tanggungan
- **(Khusus Perempuan shj)** - Mendapat keizinan suami atau wali
  - Ditemani oleh mahram @ kumpulan perempuan yang dipercayai

RUKUN HAJI	RUKUN UMRAH	PERKARA WAJIB HAJI	PERKARA WAJIB UMRAH
1) Niat mengerjakan haji 2) Wukuf di Arafah 3) Tawaf 4) Saie 5) Bergunting atau bercukur rambut 6) Tertib	1) Niat mengerjakan haji 2) Tawaf 3) Saie 4) Bergunting atau bercukur rambut 5) Tertib	1) Niat ihram di Miqat 2) Bermalam di Muzdalifah 3) Melontar di Jamratul Kubra. 4) Bermalam di Mina 5) Melontar di ketiga-tiga jamrah 6) Menjauhi larangan ihram	1) Niat ihram di Miqat 2) Menjauhi larangan ihram

Waktu bermula dan berakhir wukuf di Arafah
- Berada di Arafah walaupun seketika bermula dari masuk waktu Zuhur 9 Zulhijjah hingga sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.

Maksud Tawaf
- Mengelilingi Kaabah 7 pusingan bermula di penjuru Hajarul Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syarat tertentu

Maksud Saie
- Berjalan ulang alik sebanyak 7 kali bermula di bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah menurut syarat-syarat tertentu.

Maksud Bergunting / Bercukur
- Bergunting sekurang-kurangnya tiga helai rambut dan sunat bercukur rambut bagi lelaki.

Maksud Niat Ihram di Miqat : Berniat Ihram di miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat Ihram Haji atau Umrah.

Jenis Miqat :

1. Miqat Zamani (Masa) : Ketentuan masa bagi seseorang untuk berniat Ihram Haji, bermula dari 1 Syawal dan berakhir apabila masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.

2. Miqat Makani (Tempat) : Ketentuan tempat atau sempadan tempat untuk berniat Ihram

TAJUK ; HAJI DAN UMRAH

Tempat Miqat Bagi Penduduk Luar Mekah

1) Zulhulaifah (Bir Ali)
2) Zatu Iraq
3) Qarnul Manazil
4) Yalamlam
5) Juhfah

Waktu Bermalam (Mabit) Di Mina

- Berada di Mina pada malam-malam hari Tasyrik (11 hingga 13 Zulhijjah).

Waktu Bermalam di Muzdalifah

- Berada di Mudzalifah selepas tengah malam 10 Zulhijjah hingga sebelum terbit fajar.

Waktu Melontar 7 Anak Batu Di Jamratul Kubra

- Masa untuk melontar bermula selepas tengah malam 10 Zulhijjah.

Waktu Melontar 7 Anak Batu Di Ketiga-Tiga Jamrah

- Jamrah Sughra, Jamrah Wusta dan Jamrah Kubra (Aqabah) pada hari Tasyrik.
- Masuk waktu melontar adalah selepas azan Subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijjah.

Larangan semasa ihram

- Menyapu minyak rambut **(L & P)**
- Mencabut bulu **(L & P)**
- Berwangi-wangian sama ada pada pakaian badan atau menghidunya **(L & P)**
- Memakai pakaian berjahit **(L)**
- Menutup muka **(P)**
- Persetubuhan suami isteri
- Memotong rambut dan kuku **(L & P)**
- Memburu binatang buruan **(L & P)**
- Menutup kepala **(L)**
- Memakai sarung tangan **(L & P)**

Amalan sunat Haji dan Umrah

- Mandi sunat Ihram
- Memperbanyak talbiah
- Solat sunat Ihram
- Mengutip anak batu di Muzdalifah
- Solat sunat selepas melakukan tawaf

Persamaan antara Haji dan Umrah

ASPEK	RUKUN	PERKARA WAJIB
HAJI DAN UMRAH	• Tawaf Ifadah • Sai'e • Bercukur	• Larangan Ihram • Mempunyai Miqat Makani

Perbezaan antara Haji dan Umrah

HAJI	UMRAH
Dikerjakan pada bulan haji sahaja	Pada bila-bila masa sepanjang tahun
Wajib wuquf	**Tiada** wuquf
Bermalam di Mina	**Tiada bermalam di Mina**

JENIS HAJI	PENGERTIAN
HAJI IFRAD	Mengerjakan haji dahulu kemudian mengerjakan umrah pada tahun yang sama.
HAJI TAMATTUK	Mengerjakan umrah dahulu dalam bulan haji, kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama.
HAJI QIRAN	Berniat mengerjakan haji dan umrah secara serentak.

Hikmah menunaikan haji dan umrah

Rohani	• **Menghapuskan dosa** & meraih ganjaran syurga kerana pengorbanan harta & tenaga • **Menzahirkan ketaatan** dlm melaksanakan perintah Allah bagi mencapai rahmat Allah
Sosial	• **Saling mengenali** sesama umat Islam walaupun berbeza bangsa negara.
Politik	• Menzahirkan kekuatan umat Islam
Dakwah	Menyemarakkan perkembangan dakwah Islam ke seluruh alam.
Ekonomi	• Meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menabung dalam tabung haji supaya dana umat Islam meningkat. • Meningkatkan dana umat Islam dan mewujudkan sumber pendapatan baru

TAJUK : SEMBELIHAN

Hukum Sembelihan : **Wajib** (supaya halal di makan dagingnya).

Maksud Sembelihan

- Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat marik.

RUKUN SEMBELIHAN

1. PENYEMBELIH	2. BINATANG SEMBELIHAN	3. ALAT SEMBELIHAN
SYARAT SAH 1. ***Beragama Islam atau Ahli Kitab*** ▪ Halal sembelihan daripada ahli kitab kerana niat sembelihan mereka adalah kerana Allah SWT ▪ Sembelihan kanak-kanak dan perempuan adalah sah dan halal	**SYARAT SAH** 1. ***Masih mempunyai Hayat Mustaqirrah*** • Jika binatang yang disembelih hampir mati binatang tersebut tidak halal dimakan.	**SYARAT SAH** 1. Alat sembelihan yang dibolehkan ialah alatan yang boleh melukakan binatang sembelihan **kecuali :** • Kuku • Gigi • Tulang.
2. ***Melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT.*** ▪ Sebelihan yang bukan kerana Allah adalah haram dan tidak sah dimakan. Contohnya, sembelihan untuk membuat persembahan kepada kubur keramat.	2. ***Putus urat halkum dan marik dengan segera dan sekali sembelihan*** ▪ **Urat halkum** ialah saluran **pernafasan** dan **Urat marik** ialah saluran **makanan.** ▪ Apabila kedua-dua urat tersebut diputuskan dengan segera, binatang tersebut akan mati dengan cepat.	**Info : Janin** yang mati selepas ibunya disembelih atau mati dalam perut, atau lahir dalam keadaan bukan hayat Mustaqirrah halal dimakan dagingnya.

Maksud Ahli Kitab ialah keturunan Bani Israel yang beragama Yahudi dan Nasrani.	**Hayat Mustaqirrah :** Haiwan yang mampu bergerak dengan bertenaga antara tandanya termasuklah binatang tersebut meronta-ronta dengan kuat setelah disembelih.

- Penggunaan **WATER STUNNER** dalam proses penyembelihan ayam adalah **HARUS.**
- Penggunaan **ELECTRICAL STUNNING** dalam penyembelihan lembu adalah **HARUS.**

Perkara **Sunat** Sembelihan

Penyembelih	• Penyembelih menajamkan pisau • Menyembelih pada waktu siang • Menghadap kiblat • Membaca Basmalah ketika permulaan menyembelih.
Binatang Sembelihan	• Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri
Alat Sembelihan	• Alat sembelihan ialah alatan yang tajam seperti pisau.

Perkara **Makruh** Sembelihan

Penyembelih	• Menyembelih di hadapan binatang lain • Menyembelih pada waktu malam • Tidak menghadap kiblat • Tidak membaca Basmalah
Binatang Sembelihan	• Menyeksa binatang
Alat Sembelihan	• Menggunakan pisau yang tumpul

TAJUK ; SEMBELIHAN

Contoh perbuatan menyeksa binatang sembelihan tanpa sebab

- Memenggal leher.
- Mengheret kaki binatang ke tempat sembelihan.
- Menajamkan pisau sembelihan di hadapan binatang
- Mematahkan kaki.

Hikmah sembelihan dari sudut syarak dan sains

- Mempercepat proses kematian binatang yang disembelih
- Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah binatang telah dikeluarkan.
- Membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram supaya ibadat diterima.

Sebab Islam mengharamkan makan daging binatang yang tidak disembelih.

- Mengandungi kuman penyakit yang merbahaya
- Menyebabkan badan tidak sihat dan berpenyakit
- Bagi membezakan daging yang halal dengan haram

TAJUK ; KORBAN

Hukum Korban

- **Sunat Muakkad :** Bagi yang mampu
- **Wajib :** Jika bernazar

Maksud Korban

- Menyembelih binatang ternakan (al-An'am) pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT

Bila Disyariatkan

Pada tahun ke-2 Hijrah. : Sebagai mengingati pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s

Binatang ternakan yang disyariatkan korban

- Kerbau
- Lembu
- Biri-biri
- Kambing
- Unta

Binatang yang cukup umur

- Unta : **5 tahun** dan ke atas
- Lembu / Kerbau : **2 tahun** dan ke atas
- Kambing : **2 tahun** dan ke atas
- Biri-biri : **1 tahun** atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan

Syarat Sah Korban

- Berniat korban ketika binatang disembelih.
- Binatang yang cukup umur
- Binatang yang bersifat Al-An'am
- Masa pelaksanaannya ialah selepas solat Hari Raya Aidil Adha pada 10 Zulhijjah hingga terbenam matahari pada akhir hari Tasyrik iaitu pada 13 Zulhijjah.

Jenis kecacatan yang menyebabkan tidak sah dijadikan korban

- Berpenyakit yang teruk
- Kurus yang melampau.
- Cacat yang teruk pada satu matanya / buta
- Tempang
- Cacat fizikal

Perkara sunat ketika korban

- Melakukan **penyembelihan korban dgn sendiri** dan tidak mewakilkan kepada orang lain jika mampu.
- Melaksanakan segala sunat sembelihan seperti **menghadap arah kiblat** & alat sembelihan yg tajam.
- **Berdoa** semasa hendak menyembelih
- **Membaca *"Bismillahi Allahu Akbar"*** dan **berselawat ke atas Rasulullah** SAW ketika menyembelih

Cara pembahagian daging sembelihan korban

- **1/3** disedekahkan kepada fakir miskin
- **1/3** dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya atau jiran
- **1/3** dimakan oleh pihak yang berkorban dan anggota keluarganya

AGIHAN DAGING KORBAN

✓	Wajib semua daging korban bagi korban Nazar disedekahkan kepada fakir dan miskin.
X	Orang yang berkorban haram menjual daging termasuk **kulit, lemak susu, kaki, kepala dan bulu binatang korban.**

Hikmah melaksanakan ibadat korban

- **Mengagungkan syiar Islam** yang merupakan tanda takwa bagi mendekatkan diri kepada Allah.
- **Tanda bersyukur kepada Allah** atas segala nikmat supaya rezeki yang diperoleh sentiasa diberkati.
- **Mengeratkan persaudaraan** antara umat Islam kerana Solat Sunat Aidil Adha dan korban menghimpunkan seluruh umat Islam.

TAJUK : AKIKAH

Hukum Akikah
- **Sunat Muakkad**
- **Wajib :** Jika bernazar

Maksud Akikah
- **Menyembelih binatang ternakan (al-An'am)** yang disembelih sempena **kelahiran bayi.**

Maksud Tergadai (al-Murtahin) dalam Hadis
- Anak tersebut tidak dapat memberi syafaat kepada kedua-dua ibu dan bapanya, pada hari kiamat nanti, jika ibu bapanya tidak melakukan akikah untuk anak tersebut.

Binatang ternakan yang disyariatkan akikah
- Kerbau - Biri-biri - Unta
- Lembu - Kambing

Binatang yang cukup umur
- Unta : **5 tahun** dan ke atas
- Lembu / Kerbau : **2 tahun** dan ke atas
- Kambing : **2 tahun** dan ke atas
- Biri-biri : **1 tahun** atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan

Syarat Sah Akikah
- Berniat akikah ketika binatang disembelih.
- Binatang yang cukup umur
- Binatang yang bersifat Al-An'am
- Masa pelaksanaannya ialah setelah bayi dilahirkan

Jenis kecacatan yang menyebabkan tidak sah dijadikan akikah
- Berpenyakit yang teruk - Tempang
- Kurus yang melampau. - Cacat fizikal
- Cacat yang teruk pada satu matanya / buta

Perkara sunat ketika akikah
- Menyembelih ketika matahari sedang naik.
- Dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran.
- Mencukur rambut bayi selepas penyembelihan. Selepas itu memberikan nama yang baik kepada bayi
- Bersedekah dengan emas atau perak seberat rambut bayi yang telah dicukur.

Tempoh pelaksanaan akikah

Sunat	Sunat Muakkad
Setelah sempurna kelahiran sehingga bayi itu baligh	Pada hari ketujuh kelahiran bayi

Cara pembahagian daging sembelihan akikah
- Masakan itu **afdal disedekahkan** kepada orang miskin.
- Masakan itu juga **sunat dimakan** oleh orang yang berakikah.
- Dimasak dengan **masak yang manis** dan disedekahkan sesudah dimasak.

Hikmah melaksanakan ibadat akikah
- **Menghebahkan berita kelahiran** supaya tidak timbul prasangka.
- **Menzahirkan kesyukuran kepada Allah** atas kurniaan cahaya mata.
- **Menyuburkan sifat pemurah** dan menjauhi sifat bakhil agar dapat keredaan Allah

Perbezaan antara sembelihan dengan korban dan akikah

Korban	Sembelihan	Akikah
• Binatang al-an'am / ternakan tertentu	• Binatang halal dimakan	• Binatang al-an'am/ ternakan tertentu
• Tujuan untuk beribadat kepada Allah	• Tujuan untuk mematikan binatang dengan cepat	• Tujuan untuk bersyukur sempena kelahiran bayi
• Hukum : Sunat Muakkad	• Hukum : Wajib	• Hukum : Sunat Muakkad

Perbezaan antara korban dan akikah

Korban	Akikah
• Pembahagian afdal daging mentah	• Afdal daging yang telah dimasak / dibuat jamuan
• Tujuan untuk beribadat kepada Allah	• Tujuan untuk bersyukur sempena kelahiran bayi
• Waktu 10 Zulhijjah selepas Solat Sunat Aidil Adha dan dua khutbah hingga sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah.	• Bila-bila masa selepas kelahiran anak. Waktu yang afdal hari ketujuh kelahiran

TAJUK : MUAMALAT DALAM ISLAM

Hukum Muamalat Islam : **Harus**

Maksud Muamalat Islam

- **Hukum syarak** yang berkaitan dengan **urusan kewangan** seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.

Matlamat pensyariatan muamalat Islam

- Menunjukkan keadilan Allah dalam mengatur urusan manusia
- Menjaga kepentingan penjual dan pembeli / penyewa dan pemberi sewa
- Mendapat keredaan Allah kerana melakukan suruhanNya
- Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah.

Al-Batil adalah mana-mana transaksi yang menyalahi syarak.

Perbandingan antara muamalat Islam dengan konvensional

MUAMALAT ISLAM	KONVENSIONAL
Mengharamkan riba	Mengamalkan riba
Bebas daripada unsur judi dan gharar	Mengandungi unsur judi dan gharar
Berteraskan keimanan kepada Allah SWT	Berteraskan keuntungan dan kekayaan

Bahagian riba dalam muamalat Islam

- Riba al-Duyun (riba hutang)
- Riba al-Buyu' (jual beli)

Ulamak Mazhab Syafi'e Membahagikan Riba kpd 3 Bahagian:
1. Riba al-Fadl
2. Riba al-Yad
3. Riba an-Nasiah

Unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam

RIBA	Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang.	**Contohnya** : Aiman berhutang dengan Zaki sebanyak RM 100 dgn syarat Aiman mesti bayar RM110
GHARAR	Kesamaran dalam urusan muamalat yang tidak dibenarkan oleh syarak.	**Contohnya** : Menjual burung liar di udara.
JUDI	Perbuatan yang melibatkan perbuatan sesuatu yang berharga.	**Contohnya** : Mempertaruhkan wang dalam sesuatu perlumbaan
DHARAR	Setiap perkara yang membawa kerosakan.	**Contohnya** : Melakukan transaksi barang terlarang seperti senjata api kepada kanak-kanak

Maksud Akad dalam Muamalat Islam

- Ijab dan kabul dalam urusan perniagaan dan kewangan.

Rukun akad dan syarat akad dalam Muamalat Islam

Rukun Akad		Syarat Akad dalam Muamalat Islam
Pihak Yang Berakad	• Penjual • Pembeli	a) Penjual dan pembeli mestilah : • Baligh - Berakal • Mampu memelihara dan mengurus hartanya b) Melibatkan dua pihak dan bebas membuat pilihan
Sesuatu Yang Diakadkan	• Harga • Barang	a) Mestilah wujud ketika akad berlaku b) Barang atau perkhidmatan yang diakadkan adalah halal. c) Dapat diserahkan ketika akad.
Sighah	• Ijab • Kabul	a) Lafaz Ijab dan Lafaz Kabul adalah sepadan. b) Lafaz Ijab dan Lafaz Kabul tidak diikat dengan syarat tertentu c) Lafaz ijab dan lafaz kabul dalam satu pertemuan

Hukum skim cepat kaya ialah **haram** kerana mengandungi unsur-unsur **judi, riba**, dan **gharar.** Umat Islam dilarang terlibat dengan skim ini.

TAJUK : JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

Jenis dan Contoh Akad dalam Muamalat Islam

JENIS AKAD	CONTOH AKAD	MAKSUD
PERTUKARAN	i) Jual Beli	Suatu akad pertukaran barang dengan barang dengan persetujuan penjual dan pembeli. ***Contohnya :*** Membeli makanan di kantin sekolah dengan duit.
	ii) Sewaan	Akad bagi menyerahkan sesuatu yang bermanfaat yang boleh diberikan secara sewa dengan pembayaran tertentu. ***Contohnya*** : Sewaan rumah.
KEBAJIKAN	i) Hibah	Memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup. ***Contohnya :*** Memberikan sebuah rumah kepada anak
	ii) Qard	Memberikan hutang wang kepada orang lain tanpa sebarang imbuhan (faedah) dan perlu membayar kembali dengan jumlah yang sama. ***Contohnya :*** Memberikan pinjaman wang RM 100 untuk kegunaan peribadi.
	iii) Wakaf	Mewakafkan harta yang dapat diambil manfaatnya serta kekal fizikalnya (ainnya), untuk penggunaan yang baik serta bertujuan mendapat keredhaan Allah SWT. ***Contohnya :*** Mewakafkan rumah untuk pusat penjagaan anak-anak yatim.
	iv) Wadi'ah	Memberikan sesuatu barang kepada orang lain agar dapat di simpan dan dipelihara seperti yang sepatutnya. ***Contohnya :*** Simpanan wang.
PERKONGSIAN	i) Musyarakah	Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan yang dikongsi bersama oleh dua orang atau lebih. ***Contohnya :*** Perkongsian untuk menubuhkan syarikat perniagaan
	ii) Mudarabah	Akad yang dilakukan oleh pemodal dengan menyerahkan modalnya kepada pengusaha agar dapat diniagakan dan keuntungan dibahagikan antara mereka.
AGEN	i) Wakalah	Mewakilkan pekerjaan tertentu yang boleh dikerjakan kepada orang lain.
JAMINAN	i) Kafalah	Jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada orang yang dijamin atas sesuatu transaksi.
	ii) Rahn	Menggadaikan sesuatu barang sebagai jaminan terhadap hutang. ***Contohnya :*** Maimunah menggadaikan gelang emas kepada bank bagi mendapatkan pinjaman daripada Bank.

TAJUK : SOLAT SUNAT DUHA

Hukum menunaikan solat sunat Duha
- **Sunat Muakkad**

Maksud solat sunat Duha
- Solat sunat yang dilakukan pada waktu **antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.**

Cara / kaifiat solat sunat Duha
- Niat (Sahaja aku solat sunat Duha dua rakaat kerana Allah Taala)
- Bilangan rakaat 2,4,6 atau 8 rakaat.
- Digalakkan secara bersendirian.
- Bacaan: al-Fatihah dan mana-mana surah, di kedua-dua rakaat.
- Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam

Waktu Duha adalah selepas **28 minit waktu syuruk sehingga masuk waktu Zuhur**.

Hikmah solat sunat Duha
- Mendapat **rahmat dan rezeki daripada Allah** kerana rajin beribadah.
- **Membuktikan ketaatan** kepada Allah SWT setiap masa.
- **Mendekatkan diri kepada Allah** SWT bagi meraih kasih sayang daripada Allah

TAJUK : SOLAT SUNAT GERHANA

Hukum menunaikan solat sunat gerhana
- **Sunat Muakkad**

Maksud solat sunat Gerhana
- Solat yang dilakukan **ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan** dengan cara2 yang tertentu

Tarikh Pensyariatan Solat Sunat Gerhana

Solat Gerhana Matahari	Pada tahun **Kedua Hijrah**
Solat Gerhana Bulan	Pada tahun **Kelima Hijrah**

Amalan yang dianjurkan ketika gerhana:
- Solat sunat Gerhana
- Berdoa
- Bertakbir
- Bersedekah
- Memperbanyak istighfar

Cara / kaifiat solat sunat sunat gerhana
- Niat (Sahaja aku solat sunat gerhana bulan / matahari dua rakaat menjadi imam/makmum kerana Allah Taala)
- Bilangan rakaat 2 rakaat.
- Digalakkan secara berjemaah.
- Dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan

Hikmah menunaikan solat Gerhana
- Memberikan peringatan agar manusia tidak melakukan kemungkaran
- Memandu manusia mentauhidkan Allah SWT kerana meninggalkan amalan khurafat semasa gerhana.
- Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kpd Allah krn mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW

Perbandingan antara solat Gerhana dan solat Duha

Solat Gerhana	Solat Duha
- Bilagan : 2 rakaat	- Bilangan : 2, 4, 6 atau 8 rakaat
- Digalakkan secara berjemaah.	- Digalakkan secara bersendirian
- Ada khutbah	- Tiada khutbah.

TAJUK : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH

Hukum melakukan solat Istikharah
- Sunat

Maksud solat sunat Istikharah
- Solat yang dilakukan untuk **memohon petunjuk Allah SWT** dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara.

Cara / kaifiat solat sunat Istikharah
- Niat : (Sahaja aku solat sunat istikharah dua rakaat kerana Allah Taala)
- Bilangan rakaat : 2 rakaat
- Cara pelaksanaan : Bersendirian
- Berdoa dengan doa yang sesuai.

Hikmah solat sunat Istikharah
- **Meningkatkan keimanan** kepada Allah kerana menjadikan Allah sebagai tempat pergantungan
- Mendidik umat Islam agar **sentiasa memohon sesuatu kepada Allah** terutama dalam membuat keputusan.
- **Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik** dgn memohon bantuan selain Allah seperti kpd bomoh.

TAJUK : SOLAT SUNAT TASBIH

Hukum melakukan solat sunat Tasbih
- Sunat

Maksud solat sunat Tasbih
- **Solat sunat khusus** yang mengandungi **bacaan tasbih sebanyak 300 kali** pada keseluruhan solat.

Hikmah menunaikan solat sunat Tasbih
- Memberi **ketenangan jiwa** kerana banyak berzikir kepada Allah
- Mendapat **keampunan** kerana mengamalkan Sunnah Rasulullah SAW
- Meraih **ganjaran yang besar** daripada Allah kerana banyak bertasbih

Cara / kaifiat solat sunat Tasbih dengan satu salam
- Niat : (Sahaja aku solat sunat Tasbih 4 rakaat kerana Allah Taala)
- Bilangan rakaat : 4 rakaat dengan satu salam sekiranya dilakukan pada waktu siang
- Cara pelaksanaan : Bersendirian atau berjemaah
- Bertasbih sebanyak 10 kali ketika rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud & sujud kedua.

Cara / kaifiat solat sunat Tasbih dengan dua salam
- Niat : (Sahaja aku solat sunat Tasbih 2 rakaat kerana Allah Taala)
- Bilangan rakaat : 4 rakaat dengan dua salam sekiranya dilakukan pada waktu malam
- Cara pelaksanaan : Bersendirian atau berjemaah
- Bertasbih sebanyak 10 kali ketika rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud & sujud kedua.

TAJUK : PERKAHWINAN

Maksud perkahwinan
- **Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan** menurut hukum syarak

Hukum berkahwin

HARUS	Tiada desakan atau halangan untuk berkahwin.
SUNAT	Mempunyai keinginan untuk berkahwin dan mampu menyediakan nafkah zahir dan batin
WAJIB	Bimbang akan terjerumus ke dalam kemaksiatan sekiranya tidak berkahwin dan mampu untuk memberikan nafkah zahir dan batin
MAKRUH	Mempunyai keinginan untuk berkahwin tetapi tidak mampu memberikan nafkah untuk pasangan seperti menghidap mati pucuk atau berpenyakit
HARAM	Bertujuan untuk menzalimi atau memudaratkan pasangan

Hikmah perkahwinan
- Memenuhi tuntutan batin yang merupakan fitrah manusia.
- Memelihara keturunan yang baik untuk generasi akan datang.
- Mewujudkan ketenangan jiwa melalui hubungan cinta yang halal.

Wanita yang haram dikahwini selama-lamanya

Haram Selama-lamanya			Haram Sementara
1) Keturunan	**2) Penyusuan**	**3) Persemendaan**	
• Ibu • Nenek dan ke atas • Anak perempuan • Cucu perempuan • Adik-beradik perempuan • Ibu saudara • Nenek saudara	• Ibu susuan • Ibu bagi ibu susuan dan ke atas • Anak-anak ibu susuan • Adik-beradik susuan • Adik-beradik ibu susuan	• Ibu tiri dan ke atas • Ibu mertua (nasab atau susuan) • Anak tiri apabila ibunya telah disetubuhi • Menantu perempuan dan ke bawah	• Mengahwini perempuan yang ada hubungan nasab dengan isteri dalam satu masa • Perempuan yang masih isteri orang • Perempuan musyrik sehingga dia masuk Islam

Rukun nikah
- **Bakal suami :** Lelaki yang dikahwini oleh seseorang perempuan
- **Bakal isteri :** Perempuan yang dikahwini oleh seseorang lelaki.
- **Wali :** Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.
- **Dua orang saksi :** Orang yang menyaksikan dan boleh mengesahkan akad nikah.
- **Akad nikah (sighah)** **1) Ijab** : Lafaz yang diucapkan oleh wali atau wakilnya
  2) Kabul : Lafaz yang diucapkan oleh bakal suami atau wakilnya

	Bakal Suami	Bakal Isteri	Wali	Saksi	Akad
Syarat bagi setiap rukun nikah	• Islam • Lelaki • Bukan mahram kepada bakal isteri • Tidak dalam keadaan ihram Haji @ Umrah	• Islam • Perempuan yang telah dikenalpasti • Bukan mahram kepada bakal suami • Tidak dalam keadaan ihram Haji @ Umrah	• Islam • Lelaki • Baligh • Berakal • Merdeka	• Islam • Lelaki • Baligh • Berakal • Merdeka • Adil	• Tidak dibataskan dengan tempoh masa • Kelayakan wali dan bakal suami berkekalan sehingga selesai akad • Lafaz akad nikah hendaklah berkuatkuasa serta-merta kesannya

Jenis Wali :

1) Wali mujbir
2) Wali bukan mujbir

Susunan Wali		
Wali Mujbir	1)	Bapa
	2)	Datuk sebelah bapa dan ke atas
Wali Bukan Mujbir	3)	Adik-beradik lelaki seibu sebapa
	4)	Adik-beradik lelaki sebapa
	5)	Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki seibu sebapa
	6)	Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki sebapa

Sebab perpindahan wali nasab kpd wali hakim

- Tidak mempunyai wali nasab
- Anak tidak sah taraf
- Wali enggan mewalikan pernikahan
- Wali hilang dan tidak dapat dikesan
- Wali dalam ihram haji atau umrah

Contoh lafaz akad yang tidak sah

a) Lafaz akad nikah yang kesannya tertangguh pada masa hadapan:
b) **Lafaz taklik**
c) Wali pengsan setelah melafazkan ijab dan sebelum bakal suami melafazkan kabul.

Ciri-ciri pemilihan calon suami isteri

- Sekufu
- Pasangan yang sihat
- Akhlak yang baik
- Keturunan yang baik

Maksud Kufu

- **Persamaan taraf lelaki dan perempuan** daripada pelbagai aspek seperti agama, keturunan dan lain-lain.

Aspek / Ciri-ciri Sekufu

- Agama dan kesolehan
- Pekerjaan
- Keturunan
- Keilmuan

Hikmah mengutamakan agama dalam memilih bakal isteri

- Supaya anak-anak berakhlak mulia
- Rumah tangga akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat
- Dapat mendidik keluarga ke arah didikan Islam

TAJUK : MERISIK DAN MEMINANG

Anggota yang harus dilihat semasa meminang

- Muka
- Kedua tapak tangan

Maksud Merisik	Proses sebelum meminang untuk mengenalpasti status bakal isteri
Maksud Meminang	Lamaran seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan calon isteri menurut uruf setempat.

Cara meminang seseorang perempuan

1) **Cara Berterus-terang :** Contoh lafaz : "Aku ingin mengahwini kamu"
2) **Cara Kiasan :** Contoh lafaz : "Saya ingin memetik bunga di taman"

Hukum melihat perempuan yang hendak dipinang: **Sunat**

Tujuan / hikmah dibenarkan melihat bakal isteri

- Supaya berpuas hati dengan pilihan yang telah dibuat
- Untuk mengelak berlakunya penipuan

TAJUK : MAHAR

Maksud Mahar	**Pemberian yang bernilai** atau berfaedah wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad nikah.
Hukum Mahar	Wajib
Hukum Menyebut Mahar	Sunat
Kadar Mahar	Mahar tidak mempunyai kadar tertentu dan tidak semestinya dalam bentuk tunai.
Bentuk Mahar	Sesuatu yang menilai atau berfaedah, seperti duit dan emas.

Jenis-jenis mahar

- **Mahar Misil** : Mahar yang ditentukan kadarnya mengikut kadar mahar saudara-saudara perempuan pihak isteri.
- **Mahar Musamma :** Mahar yang ditentukan kadarnya dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Hikmah mahar

- Melahirkan keikhlasan suami isteri atas perkongsian hidup
- Memulia dan mengiktiraf kedudukan kaum wanita
- Sebagai tanda kesanggupan suami membina rumahtangga

TAJUK : WALIMATUL 'URUS

Maksud Walimatul 'Urus	Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan
Hukum Mengadakan Walimatul 'Urus	Sunat Muakkad
Hukum Memenuhi Undangan Walimah	Fardu 'Ain

Tujuan pensyariatan walimatul 'urus

- Merapatkan hubungan silaturrahim kedua belah pihak.
- Mensyukuri nikmat Allah SWT atas perkahwinan yang didirikan
- Melahirkan rasa kegembiraan kepada pasangan suami isteri

Adab yang perlu dijaga semasa walimatul 'urus

- Tuan rumah tidak mengkhususkan jemputan kepada orang kaya sahaja
- Undangan tersebut untuk melahirkan kasih sayang dan merapatkan hubungan
- Tidak terdapat perkara mungkar seperti minuman arak serta pergaulan bebas

Perkara yang dilarang ketika mengadakan walimatul 'urus

- Mengadakannya dengan tujuan untuk **bermegah-megah**
- **Pergaulan bebas** antara lelaki dengan perempuan ajnabi
- Mengadakan hiburan yang melalaikan atau acara yang bertentangan Islam

TAJUK : KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN

Tanggungjawab suami terhadap isteri dan anak-anak

- Menyelesaikan mahar yang belum dijelaskan
- Memberikan kasih sayang, belas kasihan serta nafkah batin bagi memenuhi keperluan isteri
- Memberikan ilmu pengetahuan dan didikan agama secukupnya kepada isteri dan anak-anak

Tanggungjawab isteri terhadap suami

- Menjaga kemuliaan, maruah dan harta suami
- Mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah
- Melakukan perkara yang menyenangkan hati suami

Kesan / implikasi pengabaian tanggungjawab kepada anak / keluarga

- Melahirkan generasi yang tidak berpelajaran
- Anak-anak terlibat dengan gejala sosial
- Anak-anak hidup terbiar

TAJUK : KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN

Tanggungjawab Suami Isteri		
Dari Segi Akidah	**Dari Segi Ibadat**	**Dari Segi Akhlak**
• Memelihara akidah keluarga daripada fahaman sesat • Memupuk asas ketakwaan yang mantap	• Memelihara keluarga daripada amalan yang menyeleweng • Memastikan anggota keluarga menunaikan tanggungjawab ibadat	• Menunjukkan akhlak yang mulia • Menegur anggota keluarga yang melakukan kemungkaran

Persiapan oleh bakal suami untuk menjamin kebahagiaan rumahtangga

- Menuntut ilmu yang berkaitan rumah tangga ***supaya*** dapat mendidik isteri & anak-anak.
- Persediaan dari aspek ekonomi ***seperti*** mempunyai pendapatan yang stabil

TAJUK : ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN

Bentuk / jenis pembubaran perkahwinan

- Talak
- Khuluk
- Fasakh
- Li'an.

Isu-isu berkaitan perkahwinan

- Idah
- Rujuk
- Nusyuz
- Hadanah
- Anak Angkat
- Poligami

1	**TALAK**
Maksud Talak	Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan
Contoh Lafaz Talak	1) **Jelas** : ("Aku ceraikan engkau") 2) **Kiasan** : ("Aku lepaskan engkau mulai hari ini")
Jenis-jenis Talak	**1) Talak Raj'ie :** Talak yang **boleh dirujuk** dalam tempoh idah tanpa akad nikah dan mahar yang baharu. **2) Talak Bain :** Talak yang **tidak boleh dirujuk** kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu.

Hukum talak dan situasinya

Harus	Hukum asal talak ialah ***Harus*** iaitu syarak memberikan kebenaran untuk pasangan suami isteri membubarkan perkahwinan kerana sebab-sebab yang munasabah.
Wajib	Apabila berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah.
Sunat	Apabila isteri berakhlak buruk.
Makruh	Apabila suami menceraikan isteri yang berkelakuan baik atau menceraikan isteri tanpa sebab.
Haram	Apabila suami menceraikan isteri dalam keadaan haid atau ketika suci tetapi telah disetubuhi tanpa diketahui hamil atau tidak.

Hikmah talak

- Memberi peluang kepada pasangan memulakan hidup baru
- Boleh mengurangkan tekanan perasaan
- Memberi pengajaran pahit kepada suami isteri

Maksud talak taklik

- Talak yang disandarkan kepada sesuatu syarat.

Sebab talak tidak digalakkan dalam Islam

- Memutuskan silaturrahim antara keluarga
- Menjatuhkan imej umat islam kerana berlaku pengabaian dalam rumahtangga
- Anak-anak terlibat dengan masalah sosial kerana hidup terabai

2	FASAKH
Maksud	Pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim dengan sebab-sebab tertentu.
Hukum Fasakh	Harus isteri memohon fasakh
Contoh sebab fasakh	1) Isteri memohon fasakh kerana suami sering memukul hingga menyebabkan kecederaan fizikal. 2) Suami tidak memberi nafkah 3) Suami hilang 4) Suami murtad
Kesan fasakh kepada suami isteri	• Suami isteri tidak boleh rujuk semula dalam tempoh idah. • Mereka boleh berkahwin semula dengan akad nikah dan mahar yang baru.

Perbezaan talak dan fasakh

Talak	Fasakh
Cara cerai : lafaz talak	Mahkamah Syariah
Gugur tanpa sebab	Gugur dengan sebab
Talak raj'ie – boleh dirujuk	Tidak boleh rujuk

Hikmah fasakh

- Memberi peluang kepada isteri membatalkan ikatan perkahwinan
- Mengelakkan isteri dari terus didera
- Menyelamatkan akidah isteri

3	KHULUK
Maksud Khuluk	Pembubaran perkahwinan atas kehendak isteri dengan persetujuan membayar ganti rugi kepada suami.
Hukum Khuluk	Harus
Contoh Khuluk	Mahkamah meluluskan permohonan khuluk atas permintaan isteri dengan memulangkan bayaran mahar kepada suami.
Contoh Bayaran Ganti Rugi	• Wang tunai - Perak • Emas - Hartanah - Saham

Kesan khuluk

- Runtuhnya sebuah institusi keluarga
- Isteri tidak berhak mendapat nafkah semasa idah
- Anak-anak akan terjejas kasih sayang dan perhatian ibu bapanya

Hikmah disyariatkan khuluk

- Isteri dapat melepaskan diri daripada ikatan perkahwinan
- Mengelak sifat ego suami yang suka menyalahgunakan kuasa sebagai ketua keluarga
- Mengelak berlakunya nusyuz

4	LI'AN
Maksud Li'an	Lafaz sumpah suami apabila menuduh isterinya berzina tanpa ada empat orang saksi atau menafikan nasab.
Hukum Li'an	Wajib untuk mengelakkan suami daripada hukuman qazaf
Cara Suami Melakukan Li'an	• Suami melafazkan di hadapan hakim : "Aku bersaksi bahawa tuduhan ke atas isteriku adalah benar. Tuduhan zina yang aku lemparkan kepada isteriku yang bernama …… dan anak ini (jika isteri mempunyai anak zina, ataupun sedang mengandung) ialah anak zina dan bukan daripada zuriatku. • Lafaz ini diulang sebanyak 4 kali. Sekiranya isteri ada bersama-sama maka suami hendaklah menunjuk dengan tangannya ke arah isteri. • Pada kali kelima, hakim akan memberikan peringatan kepadanya tentang bahaya berdusta, suami hendaklah berkata : "Sesungguhnya laknat Allah akan menimpaku sekiranya aku terdiri daripada orang2 yang berdusta".
Cara Isteri Melakukan Li'an	• Isteri melafazkan di hadapan hakim : "Aku bersaksi dengan nama Allah SWT bahawa (nama suami) …… orang yang berdusta tentang tuduhan zinanya terhadapku." • Lafaz ini diulang sebanyak 4 kali. • Pada kali yang kelima, isteri hendaklah berkata : "Kemurkaan Allah SWT akan menimpaku, jika tuduhan suamiku benar."
Kesan Li'an	1) Suami isteri tidak boleh rujuk selama-lamanya. 2) Anak tidak boleh dinasabkan kepada suami dan tidak berhak mendapat nafkah dan mewarisi pusaka daripada ayahnya.
Sebab Berlakunya Li'an	• Suami menuduh isterinya berzina tanpa membawa 4 orang saksi utk membenarkan tuduhan tersebut. • Suami menafikan kandungan isterinya.

TAJUK : IDAH

Hukum idah
- **Wajib**

Maksud idah
- **Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri** selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami.

Tempoh idah

Situasi	Bercerai Hidup	Bercerai Mati
Belum putus haid	3 kali suci	4 bulan 10 hari
Telah putus haid	3 bulan hijrah	
Belum pernah disetubuhi	Tiada 'idah	
Sedang hamil	Sehingga melahirkan anak	

Larangan semasa idah
- Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan
- Berhias diri kecuali wanita yang dalam idah raj'ie
- Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali keperluan

Hikmah idah
- Memberi peluang kepada suami isteri untuk berfikir dan menyesal di atas perbuatannya
- Memberi penghormatan kepada suami yang meninggal demi menjaga perasaan keluarganya terutama isteri

TAJUK : RUJUK

Maksud Rujuk	Hak suami untuk menyambung kembali ikatan perkahwinan dengan isterinya yang diceraikan dalam tempoh 'idah.
Hukum Rujuk	Harus
Contoh Rujuk	Suami berkata kepada isterinya : " Aku rujuk engkau untuk kembali ke pangkuanku"
Syarat-syarat Rujuk	1) Dengan kerelaan sendiri
	2) Bukan perceraian kerana fasakh atau khuluk.
	3) Bukan diceraikan dengan talak tiga
	4) Isteri yang diceraikan masih dalam tempoh idah

Rukun rujuk
- Orang yang merujuk iaitu suami atau wakilnya.
- Orang yang dirujuk iaitu isteri.
- Lafaz rujuk

Hikmah rujuk
- Dapat menyatukan semula hubungan ***antara*** suami isteri
- Dapat memberi ketenteraman jiwa ***kepada*** semua pihak termasuk anak-anak

TAJUK : NUSYUZ

Hukum nusyuz
- **Haram**

Maksud nusyuz
- Keengganan isteri mentaati perintah atau permintaan suami yang sah.

Contoh perbuatan nusyuz
- Isteri enggan mematuhi perintah suami supaya menunaikan solat
- Isteri enggan melayan suami ke tempat tidur tanpa keuzuran.
- Keluar rumah tanpa izin suami tanpa sebab munasabah
- Melakukan kekerasan kepada suami.

Langkah mendidik isteri nusyuz
- Menasihati / Menegur dengan hikmah dan didikan agama
- Mengasingkan tempat tidur
- Memukul dengan tujuan mendidik

Akibat daripada perbuatan nusyuz terhadap isteri
- Isteri dimurkai Allah
- Isteri kehilangan hak dan keadilan
- Membawa fitnah kepada isteri

Sebab-sebab nusyuz:
- Ingin hidup bebas
- Lemah iman dalam diri
- Kurang didikan agama
- Terpengaruh dengan rakan

TAJUK : POLIGAMI

Maksud poligami
- Amalan beristeri lebih daripada seorang pada satu masa.

Hukum poligami
- **Harus**

Kelayakan berpoligami
- Tidak melebihi empat orang isteri
- Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya dari aspek lahiriah seperti pakaian & tempat tinggal.
- Mampu memberi nafkah zahir dan batin

Kesan poligami yang tidak menurut peraturan Islam
- Berlaku pergaduhan antara suami isteri
- Wujud perasaan tidak puas hati di kalangan isteri.
- Boleh membawa perceraian
- Anak-anak terbiar / kurang kasih sayang

Hikmah poligami diharuskan dalam Islam
- Menyambung keturunan / zuriat
- Mengelakkan diri daripada maksiat
- Membela anak yatim.

TAJUK : HADANAH

Hukum hadanah • **Wajib**

Maksud Hadanah
- Penjagaan kanak-kanak yang masih kecil dan belum berupaya untuk menguruskan diri sendiri

Sebab gugur hak hadanah
- Berkahwin dengan lelaki lain yang tiada pertalian nasab
- Berkelakuan buruk
- Cuai / menganiaya anak
- Murtad

Syarat orang yang mendapat hak hadanah
- Islam
- Dewasa
- Sempurna akal
- Berakhlak mulia

Sebab ibu diberi keutamaan dalam mendapat hak hadanah
- Menyempurnakan penyusuan
- Lebih bersifat kasih sayang

Golongan yang dapat hak hadanah jika ibu hilang kelayakan

i) Nenek sebelah ibu atau ke atas
ii) Bapa
iii) Nenek sebelah bapa ke atas
iv) Saudara perempuan seibu sebapa, seibu, sebapa.

TAJUK : ANAK ANGKAT

Hukum mengambil anak angkat : Harus

Maksud anak angkat
- Anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak

Peraturan mengambil anak angkat
- Tidak boleh mewarisi harta pusaka
- Haram membin anak angkat kepada bapa angkat
- Batas-batas pergaulan wajib dijaga

Perbezaan anak angkat dan anak kandung

Anak Angkat	Anak Kandung
Tidak dapat mendapat harta pusaka	**Dapat mewarisi** harta pusaka
Tidak boleh diwalikan oleh bapa kandung	**Boleh diwalikan** oleh bapa kandung
Tidak boleh dinasabkan oleh bapa kandung	**Boleh dinasabkan** oleh bapa kandung

HAK	ANAK KANDUNG	ANAK ANGKAT
Nafkah dan kebajikan	✓	✓
Harta hibah	✓	✓
Harta wasiat	✓	✓
Pewarisan harta pusaka (Faraid)	✓	X
Wali dalam perkahwinan	✓	X
Nasab	✓	X

Hikmah mengambil anak angkat
- Mendapat pahala dan keredaan Allah SWT
- Jalan penyelesaian bagi pasangan yang tidak punyai zuriat
- Meringakan beban hidup bagi keluarga anak angkat yang miskin

Implikasi perkahwinan yang tidak mengikut undang2 Islam
- Pasangan terpaksa dipisahkan jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syarak
- Kesukaran mendaftar kelahiran anak untuk mendapatkan sijil kelahiran
- Pasangan boleh didenda jika disabitkan dengan kesalahan berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul bagi negeri masing-masing.

TAJUK : WASIAT DALAM ISLAM

Hukum berwasiat

- **Sunat**

Maksud Wasiat

- Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidupnya, untuk mengagihkan harta selepas kematiannya menurut hukum syarak.

Cara pengurusan wasiat menurut Islam

- Harta yang diwasiat hendaklah dikira sebaik sahaja kematian pewasiat.
- Harta yang diwasiatkan tidak melebihi 1/3 daripada keseluruhan harta.
- Dilaksanakan setelah dilangsaikan segala perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang si mati.

Rukun wasiat

- Pewasiat
- Harta yang diwasiatkan
- Penerima wasiat
- Sighah (Ijab dan Kabul)

Contoh harta yang boleh diwasiatkan

- Kenderaan
- Barang kemas, syer, insurans
- Tanah
- Wang tunai / wang simpanan
- Rumah / bangunan

Syarat sah wasiat

	SYARAT SAH WASIAT
Pewasiat	• Berakal - Baligh • Sukarela ` - Merdeka
Penerima Wasiat	• Masih hidup. • Mempunyai kelayakan untuk memiliki dan menguruskan harta.
Harta Yang Diwasiatkan	• Harta yang **bernilai** • Harta yang **boleh berpindah milik** • **Harta yang harus** dan bukan sesuatu yang haram
Sighah	• Lafaz wasiat boleh digunakan sama ada jelas atau kiasan • Penerimaan wasiat berlaku selepas kematian pewasiat

Contoh Lafaz Wasiat

1) **Lafaz yang jelas :** Kata Ali : "Aku berwasiat rumahku kepada Zaim selepas aku mati."
2) **Lafaz secara kiasan :** Kata Ali : "Hartaku ini untuk Zahid", berserta dengan niat wasiat.

Kadar pembahagian harta wasiat

- Kadarnya : **Tidak lebih daripada satu pertiga (1/3) harta**

Hikmah pensyariatan wasiat

- **Memanfaatkan harta** bagi tujuan kebajikan masyarakat melalui wasiat
- **Mendapat ganjaran pahala** yang berpanjangan walaupun selepas meninggal dunia
- **Menjaga kebajikan** orang yang hampir dengan si mati seperti anak angkat

Perbezaan antara faraid dan wasiat

Aspek	**Faraid**	**Wasiat**
Hukum	Wajib	Sunat
Kadar	Kadar ditentukan oleh syarak	Kadar tidak melebihi 1/3 harta
Penerima	Penerimanya adalah waris yang sah	Penerima boleh terdiri daripada bukan waris

TAJUK : FARAID DALAM ISLAM

Hukum faraid • **Wajib**

Maksud Faraid
- Pembahagian harta seseorang Islam yang telah meninggal dunia kepada anggota warisnya menurut hukum syarak

Rukun faraid
- Orang yang mewariskan harta
- Waris
- Harta pusaka

Salah seorang pakar dalam bidang faraid pada zaman Rasulullah SAW • **Zaid Bin Sabit r.a**

Syarat sah faraid
- **Orang yang mewariskan harta :** - Kematian telah disahkan
- **Waris :** - Masih hidup
  : - Mengetahui status hubungan dengan si mati.
- **Harta pusaka :** - Harta yang dimiliki oleh si mati.

Jenis waris
a) **Ashab al-Furud :** Waris yang menerima harta pusaka mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syarak
b) **'Asabah** : Waris yang menerima baki harta pusaka selepas dibahagikan kepada Ashab Al-Furud

Golongan Ashab al-Furud
- Bapa - Ibu
- Suami - Isteri
- Anak lelaki - Anak perempuan

Jenis 'Asabah

1) 'Asabah Bin-Nafs	2) 'Asabah Bil-Ghair	3) 'Asabah Ma'al Ghair
Anggota waris yang terdiri daripada kaum lelaki, iaitu : 1) Bapa 2) Datuk 3) Anak lelaki 4) Cucu lelaki dari anak lelaki	Waris perempuan dengan sebab adanya anggota waris lelaki, iaitu : 1) Anak perempuan dengan anak lelaki 2) Cucu perempuan dengan cucu lelaki 3) Saudara kandung perempuan dengan saudara kandung lelaki	Waris perempuan dengan sebab adanya anggota waris perempuan yang lain, iaitu : 1) Saudara perempuan kandung 2) Saudara perempuan sebapa berkongsi dengan anak perempuan atau cucu perempuan

Cara pembahagian harta pusaka

BAPA		IBU		ANAK PEREMPUAN	
1/6	Sekiranya mempunyai anak lelaki	**1/3**	Sekiranya tiada anak atau terdapat hanya seorang saudara lelaki **atau** perempuan	**1/2**	Sekiranya anak tunggal perempuan
'Asabah	Sekiranya tiada anak	**1/6**	Sekiranya mempunyai anak atau terdapat dua atau lebih saudara lelaki atau perempuan	**2/3**	Sekiranya terdapat dua atau lebih anak perempuan
1/6 dan 'Asabah	Sekiranya mempunyai anak perempuan sahaja	**1/3**	Daripada baki sekiranya hanya mempunyai ibu, ayah, suami atau isteri	**'Asabah Bil-Ghair**	Sekiranya mempunyai anak lelaki
SUAMI		**ISTERI**		**ANAK LELAKI**	
1/2	Sekiranya tiada anak	**1/4**	Sekiranya tiada anak	Seluruh harta sekiranya tiada waris yang lain ('Asabah Bin-Nafs)	
1/4	Sekiranya mempunyai anak	**1/8**	Sekiranya mempunyai anak		

Hikmah pensyariatan faraid
- **Mengekalkan kasih sayang** dalam kalangan anggota keluarga.
- **Menjamin kelangsungan hidup waris** selepas kematian orang yang mewarisi harta
- **Menegakkan keadilan bagi pihak waris** supaya tidak ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

TAJUK : JENAYAH DALAM ISLAM

Maksud Jenayah	• Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan hukumannya dalam al-Quran, al-Sunnah dan sebahagiannya daripada mahkamah.
	Hukum Melaksanakan Hukuman Jenayah : **Wajib**

Jenis hukuman kesalahan jenayah dalam Islam	• Hudud - Qisas • Takzir

Maksud Hudud	**Hukuman keseksaan** yang telah ditetapkan jenis dan bentuknya dalam al-Quran dan al-Sunnah.
Hukum Hudud	**Wajib**

Jenis Kesalahan Hudud	Takrif / Maksud	Hukuman
Zina	Melakukan persetubuhan haram tanpa nikah yang sah antara lelaki dengan perempuan.	**Penzina Bukan Muhsan (Belum Berkahwin) :** 1) Sebat 100 kali 2) Buang daerah selama setahun
		Penzina Muhsan (Sudah Berkahwin) : Rejam dengan batu sampai mati
Minum Arak	Meminum sebarang bahan yang memabukkan sama ada dinamakan arak atau tidak, banyak atau sedikit.	• Sebat 40 kali
Mencuri	Mengambil harta orang lain secara tersembunyi (tanpa kerelaannya) dengan tujuan memilikinya.	1) Potong tangan 2) Memulangkan barang yang dicuri
Merompak	Melakukan serangan dengan menggunakan kekerasan untuk merampas harta, membunuh atau menakutkan orang awam secara terbuka.	
Qazaf	Tuduhan zina atau penafian nasab terhadap orang yang baik akhlaknya.	1) Sebat 80 kali 2) Tidak diterima sebagai saksi

	Menggunakan Kekerasan Dengan Niat Mengambil Harta	
Hukuman bagi perompak mengikut kategorinya	**1**	Berlaku rampasan harta dan berlaku pembunuhan	***Hukuman :*** Dibunuh kemudian dipalang
	2	Tidak berlaku rampasan harta tetapi berlaku pembunuhan	***Hukuman :*** Dibunuh
	3	Berlaku rampasan harta tetapi tidak berlaku pembunuhan	***Hukuman :*** Dipotong tangan dan kaki secara bersilang
	4	Tidak berlaku rampasan harta dan tidak berlaku pembunuhan	***Hukuman :*** Buang daerah

*Pelaksanaan hukuman hudud adalah **<u>di bawah pihak berkuasa</u>** dan tidak boleh dilaksanakan oleh orang awam.*

TAJUK : JENAYAH DALAM ISLAM

Maksud Qisas

- **Hukuman keseksaan** yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara **balasan yang sama** seperti dalam al-Quran dan al-Sunnah

Hukum Qisas

- **Wajib** jika mangsa atau waris mangsa mahukan balasan yang sama. Namun demikian, mangsa atau waris mangsa boleh menggantikan balasan tersebut dengan ***diat*** atau memaafkannya.

Maksud Diat (Pampasan)

- **Jumlah bayaran** berdasarkan persetujuan bersama atau ditetapkan oleh mahkamah.

Jenis kesalahan hukuman qisas

Jenis Kesalahan Qisas		Maksud	Hukuman
1	Pembunuhan	Serangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa	1) Mati 2) Diat jika ada pengampunan daripada waris mangsa
2	Perbuatan yang membawa kepada kecederaan	Perbuatan yang mendatangkan kecederaan	1) Balasan yang sama 2) Diat jika ada pengampunan daripada mangsa atau waris mangsa

Jenis-jenis pembunuhan menurut syariat Islam

- Pembunuhan dengan sengaja
- Pembunuhan separa sengaja
- Pembunuhan tanpa niat

Maksud Takzir

- **Hukuman keseksaan yang tidak ditetapkan jenis dan bentuk** dalam al-Quran dan al-Sunnah, sebaliknya **diputuskan oleh mahkamah**

Hukum Takzir

- **Hakim harus menjatuhkan hukuman** berdasarkan ijtihad dan maslahat rakyat dan negara bagi kesalahan yang tiada peruntukannya.

Contoh hukuman takzir **:** **Teguran, denda, penjara dan sebatan**

Hikmah hukuman jenayah dalam Islam

- **Menjamin keselamatan**, kestabilan & kedamaian bagi masyarakat dan negara.
- **Menegakkan keadilan** dalam kalangan manusia agar dapat hidup dengan sejahtera.
- Merancakkan pertumbuhan ekonomi tanpa bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian.
- Mendidik dan menghukum bagi sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan supaya mendapat keampunan daripada Allah.

TAJUK : KERAJAAN KHULAFA' AL-RASYIDIN

Era pemerintahan kerajaan Islam	• Zaman Rasulullah SAW (Madinah) • Zaman Khulafa' Al-Rasyidin (Madinah) • Zaman Kerajaan Umaiyah (Damsyik) • Zaman Kerajaan Abbasiyah (Baghdad) • Zaman Uthmaniyah (Istanbul)

Pemimpin / Khalifah terkenal Kerajaan Khulafa' Al-Rasyidin:

1) Saidina Abu Bakar as-Siddiq
2) Saidina Umar bin al-Khattab
3) Saidina Uthman bin Affan
4) Saidina Ali bin Abi Talib

CIRI KEPIMPINAN ABU BAKAR AS-SIDDIQ R.A	
Tegas	Tegas dalam memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.
Setia Dengan Arahan Rasulullah SAW	Meneruskan tindakan Rasulullah SAW untuk menghantar Usamah bin Zaid sebagai Panglima Angkatan Tentera Islam kepada Kerajaan (Ghassan) kerana telah membunuh utusan Rasulullah SAW.
Ber**pandangan** Jauh	Mengarahkan Zaid bin Sabit mengetuai usaha menghimpunkan tulisan ayat al-Quran yang terdapat pada kepingan-kepingan batu, tulang, pelepah tamar dan kulit haiwan kerana ramai penghafaz al-Quran terkorban dalam peperangan Yamamah.
Mengamalkan **Syura**	Mengambil kira pandangan para sahabat dalam menentukan strategi peperangan menentang tentera Rom, dengan strategi pembahagian empat pasukan tentera sehingga berjaya menawan negeri Syam.

CIRI KEPIMPINAN UMAR BIN AL-KHATTAB R.A.	
Tegas	Menggantikan kepimpinan Khalid bin al-Walid sebagai Panglima Angkatan Tentera Islam dengan Abu Ubaidah al-Jarrah semasa Perang Yarmuk.
Adil	Memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan meninjau sendiri keadaan rakyatnya termasuk menyamar sebagai rakyat biasa.
Berfikiran **Terbuka**	Bersedia ditegur Rasulullah SAW dan menerima pendapat daripada sahabatnya Abu Bakar as-Siddiq tentang pembebasan tawanan Perang Badar kerana menghormati keputusan mesyuarat.
Cekap	• Menubuhkan Majlis Syura dan beberapa jabatan baharu serta mengemas kini Baitul Mal bagi melicinkan pentadbiran negara. • Beliau juga membahagikan wilayah Islam kepada beberapa bahagian pentadbiran di bawah kuasa seorang gabenor yang cekap seperti Muawiyah bin Abu Sufian

CIRI KEPIMPINAN UTHMAN BIN AFFAN R.A.	
Berpandangan Jauh	Menubuhkan jawatankuasa khas pembukuan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Sabit menggunakan lahjah Arab Quraisy yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani demi memelihara kesucian al-Quran.
Berfikiran Terbuka	• Melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal • Beliau juga telah membenarkan sahabat keluar dari Kota Madinah.
Prihatin	• Menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahankan negara. • Beliau juga membesarkan Masjid Nabawi untuk keperluan dan keselesaan umat Islam.
Inovatif	Menubuhkan Angkatan Tentera Laut Islam sehingga berjaya meluaskan empayar Islam khususnya di Syam dan Mesir.

TAJUK : KERAJAAN KHULAFA' AL-RASYIDIN

CIRI KEPIMPINAN ALI BIN ABI TALIB R.A.	
Tegas	Memecat beberapa gabenor yang dilantik oleh Khalifah Uthman seperti Muawiyah bin Abi Sufian dan Abu Musa al-Asy'ari untuk meredakan kemarahan puak pemberontak.
Berpandangan Jauh	Menangguhkan hukuman qisas terhadap pembunuh Khalifah Utman bin Affan kerana keadaan negara yang masih huru-hara dan dikuasai oleh puak pemberontak.
Ber**ilmu**	Memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang sehingga dilantik sebagai hakim di Yaman.
Berani	• Menyertai hampir kesemua peperangan seperti Perang Badar dan Perang Khaibar • Sanggup menerima jawatan Khalifah walaupun mengetahui bebanan yang bakal dihadapi.

Pencapaian pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin

AGAMA (Golongan Dakwah)	Khalifah Abu Bakar As-Siddiq	Berjaya memerangi **golongan** murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.
	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	Menyebarkan **dakwah** Islam sehingga tersebar di wilayah Mesir, Parsi dan Rom.
POLITIK (Kuasa Wilayah Syura)	Khalifah Abu Bakar As-Siddiq	Pembukaan **wilayah** baharu Islam disebahagian wilayah Iraq dan Syam.
	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	Menubuhkan majlis **Syura**, Jabatan Tentera, Jabatan Polis, Jabatan Percukaian dan Jabatan Perbendaharaan Negara.
	Khalifah Uthman Bin Affan	Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan **kuasa** wilayah Islam hingga ke Rom, Mesir dan Afrika Utara serta menawan Pulau Cyprus
EKONOMI (Cukai Jizyah Saliran Baitul Mal)	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	• Memperkenalkan pelbagai **cukai** baharu seperti Cukai Jizyah dan Kharaj. • Memajukan sistem pengairan dan **saliran** melalui pembinaan Terusan Amirul Mukminin di Mesir dan empangan Abu Musa di Basrah. • Mengemaskini institusi **Baitul Mal** dan meneroka tanah baharu untuk memperbanyak hasil pertanian.
	Khalifah Ali Bin Abi Talib	• Meneruskan kutipan **Jizyah** yang dikenakan terhadap golongan zimmi.
SOSIAL (Kemudahan Takwim)	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	• Mengasaskan **takwim** Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun Hijrah. • Memperkenalkan undang - undang pentadbiran tanah • Membina **kemudahan** awam seperti tali air untuk kemudahan pertanian.
KETENTERAAN (Bebas Tentera Maqdis)	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	• Meneruskan pem**bebas**an negeri di wilayah Iraq. • Membuka Baitul**maqdis**, Palestin dan Mesir.
	Khalifah Uthman Bin Affan	Menubuhkan Angkatan **tentera** laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan perluasan kuasa.
PENDIDIKAN (Mengumpul Sekolah Bacaan)	Khalifah Abu Bakar As-Siddiq	**Mengumpul** dan menulis semula naskah al-Quran susulan 70 orang penghafaz al-Quran syahid dalam peperangan Yamamah.
	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	Menubuhkan **sekolah** iaitu Al-Kuttab yang dikhususkan untuk kanak-kanak.
	Khalifah Uthman Bin Affan	Menyelaraskan **bacaan** (qiraat) dan penulisan mashaf al-Quran menggunakan Bahasa Quraisy dengan nama Mashaf Uthmani.

Iktibar pemerintahan Kerajaan Umaiyah

- Kita hendaklah menggiatkan usaha **dakwah** agar kebenaran Islam dapat disebarkan.
- Kita hendaklah mengamalkan akhlak yang terpuji agar menjadi contoh teladan yang baik.
- Kita hendaklah mengukuhkan **perpaduan** umat Islam agar hidup aman damai.

TAJUK : KERAJAAN UMAIYAH

Mawali : Orang bukan Arab yang memeluk agama Islam dan memiliki keistimewaan yang sama dengan orang Arab Muslim tetapi dikehendaki membayar cukai tambahan.

Sejarah Kerajaan Umaiyah

- Pengasas : Muawiyah bin Abi Sufian
- Bilangan khalifah : 14 orang khalifah
- Pusat pemerintahan : Damsyik, Syiria
- Pemerintah Terkenal : Muawiyah bin Abi Sufian
- Keluasan kerajaan meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah

Sumbangan khalifah semasa pemerintahannya

Muawiyah Bin Abi Sufian	Abdul Malik Bin Marwan
• Mewujudkan perkhidmatan **pos berkuda** • Memperkasakan **Armada** Laut. • Menjadikan **Damsyik** sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal.	• Menaik taraf **perkhidmatan pos** dan sistem pengangkutan awam • Menetapkan Bahasa **A**rab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara.
Al-Walid Bin Abdul Malik	**Umar Bin Abdul Aziz**
• Memperbaik dan mencantikkan **seni bina Masjid Nabawi**. • Membina banyak **masjid baharu** seperti Masjid Umawi di Damsyik • Pembukaan **wilayah** baharu Islam seperti Andalus dan India.	• Membina **rumah transit** untuk para pedagang. • Menaik taraf infrastruktur untuk **kemudahan rakyat** seperti hospital • Mengecualikan bayaran **cukai jizyah** terhadap kafir zimmi sehingga ramai yang memeluk Islam.

Empat peringkat jihad

- Jihad memperbaiki diri
- Jihad melawan syaitan
- Jihad melawan kafir harbi dan munafik
- Jihad menghapuskan kezaliman dan kemungkaran.

Faktor Kegemilangan Kerajaan Umaiyah

FAKTOR KEGEMILANGAN KERAJAAN UMAIYAH	
AGAMA (Aktiviti Masjid)	Khalifah Umar bin Abdul 'Aziz telah menyemarakkan **aktiviti** keilmuan seperti pengajian al-Quran dan pembukaan hadis.
	Khalifah Al-Walid bin Abdul Malik telah menaik taraf dan membina institusi **masjid** seperti Masjid Nabawi untuk merancakkan aktiviti keagamaan.
POLITIK (Wilayah Gabenor)	Pelantikan **gabenor** yg berwibawa berjaya hapuskan pemberontakan oleh puak Khawarij dan Syiah.
	Berjaya meluaskan **wilayah** Islam di Rom, China,
EKONOMI (Hasil Baitul Mal)	Pengurusan **Baitul Mal** yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan
	Kerajaan berjaya manfaatkan **hasil** drpd pertanian & perdagangan utk membangunkan negara.
SOSIAL (Hubungan Kebajikan)	Penjagaan **kebajikan** rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid dan hospital.
	Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni dalam masyarakat.
KETENTERAAN	Pasukan angkatan tentera yg berdisiplin & bersemangat **jihad** dalam mempertahankan negara.
	Kemudahan **Pengkalan** Tentera dan kapal perang yg dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih.
PENDIDIKAN	Menjadikan **m**asjid dan **i**stana sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan.
	Galakan daripada Khalifah agar rakyat menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran, Tafsir dan Hadis

Faktor Kemerosotan Kerajaan Umaiyah

FAKTOR KEMEROSOTAN KERAJAAN UMAIYAH	
POLITIK (Pemberontakan Monarki)	Sistem lantikan Khalifah secara **monarki** menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga.
	Pemberontakan oleh puak Syiah dan Khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan Kerajaan Umaiyah.
SOSIAL (Taksub diskriminasi)	Sikap **taksub** antara qabilah Arab Utara dan Selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit untuk menumbangkan kerajaan.
	Sikap **diskriminasi** sebahagian khalifah terhadap golongan Mawali seperti bangsa Parsi dan Barbar dalam pemilihan jawatan gabenor.
AKHLAK (Keruntuhan boros)	Khalifah mengamalkan cara hidup **mewah dan boros** dalam perbelanjaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat.
	Keruntuhan akhlak dalam kalangan khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman.

Iktibar pemerintahan Kerajaan Umaiyah

- Kita hendaklah berusaha **meningkatkan ilmu pengetahuan** agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam.
- Kita hendaklah **memiliki semangat jihad yang tinggi** dalam mempertahankan kedaulatan negara.

TAJUK : KERAJAAN ABBASIYAH

Khalifah Kerajaan Abbasiyah yang terkenal dan **Sumbangan khalifah** semasa pemerintahannya

Sejarah Kerajaan Abbasiyah

- Pengasas : **Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad** bin Ali As-Saffah.
- Tempoh memerintah : Selama **524 tahun**
- Bilangan Pemerintah **: 37** Orang
- Khalifah Terkenal : Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali As-Saffah.
- Pusat pemerintahan : **Baghdad**, Iraq

Abu Al-Abbas Abdullah Bin Muhammad Bin Ali As-Saffah	**Abu Ja'far Abdullah Bin Muhammad Bin Ali Al-Mansur**
• Meng**asas**kan Kerajaan Abbasiyah • Menstabilkan **keamanan** dalam negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan Syiah dan Khawarij	• Membina **hospital** di Baghdad. • Membina sistem pengairan dan **saliran**.. • Menaik taraf sistem **cukai.**
Harun Al-Rasyid Bin Muhammad Al-Mahdi	**Abu Ja'far Abdullah Al-Makmum Bin Harun Al-Rasyid**
• Membina **Ba**itul Hikmah.(Perpustakaan Agung) • Mewujudkan **ja**watan **K**etua Hakim Negara • Membina **kemudahan** awam spt farmasi & pusat pengajian.	• Membina **balai** cerap sebagai pusat penyelidikan ilmu. • Menyediakan **biasiswa** kepada pelajar-pelajar cemerlang • Menjadikan **Baitul Hikmah** sbg pusat penterjemahan negara.

Faktor **Kegemilangan** Kerajaan Abbasiyah

FAKTOR KEGEMILANGAN KERAJAAN ABBASIYAH	
AGAMA	Semangat **jihad** yang tinggi dalam menguasai pelbagai bidang ilmu spt ilmu bahasa, sains & lain-lain.
	Peranan institusi pendidikan seperti masjid dan istana khalifah sebagai pusat pengajian ilmu Islam & penyebaran dakwah
POLITIK	Ke**bijak**sanaan Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjadikan Baghdad sbg pusat pentadbiran negara.
	Ke**stabil**an politik Kerajaan Abbasiyah mendorong khalifah memajukan negara.
EKONOMI	Kedudukan **Baghdad** berada di tengah-tengah laluan perdagangan dari timur dan barat menjadikannya sebagai pusat tumpuan aktiviti perdagangan.
	Inisiatif khalifah mem**bina** empangan, pusat-pusat perniagaan dan rumah api sebagai prasarana pertanian dan perdagangan.
SOSIAL	Layanan yang **adil** daripada khalifah dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan
	Ke**bebas**an mengamalkan agama mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat.
KETENTERAAN	**Strategi** peperangan yg mantap spt strategi al-Karadis
	Keperihatinan pemimpin men**jaga** kebajikan tentera melalui pemberian gaji dan bonus.
PENDIDIKAN	**A**ktiviti penterjemahan bahasa asing ke dalam bahasa Arab menggalakkan penguasaan dan kemahiran pelbagai ilmu.
	Galakan khalifah seperti al-Makmun dengan memberi biasiswa kpd pelajar-pelajar cemerlang

Peranan Baitul Hikmah : Perpustakaan terulung yang menempatkan terjemahan pelbagai karya asing seperti Bahasa Yunani, Parsi, Cina dan India ke dalam Bahasa Arab

Faktor **Kemerosotan** Kerajaan Abbasiyah

FAKTOR KEMEROSOTAN KERAJAAN ABBASIYAH	
POLITIK	**Campur tangan** pegawai berbangsa Parsi dan Turki dalam pemerintahan.
	Perebutan kuasa antara khalifah menyebabkan institusi khalifah menjadi semakin lemah.
SOSIAL	**Kebajikan rakyat terabai** akibat kelemahan pentadbiran khalifah.
	Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah & Khawarij sehingga mengganggu ketenteraman awam.
EKONOMI	**Rusuhan** & pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad.
	Sektor **pertanian merosot** kerana sistem pengairan tidak dapat dibaiki ekoran masalah kewangan.
KETENTERAAN	**Pertahanan** ketenteraan yang **lemah** memudahkan serangan daripada pihak musuh seperti orang Georgia
	Serangan daripada tentera **Monggol** telah meruntuhkan kekuatan Kerajaan Abbasiyah.

Iktibar pemerintahan Kerajaan Abbasiyah

- Kita hendaklah **mengeratkan perpaduan** antara kaum agar keharmonian terpelihara.
- Kita hendaklah memperbanyak **penerokaan ilmu** agar kegemilangan Tamadun Islam terus terjamin.
- Kita hendaklah memiliki perasaan **cinta** akan negara dengan meningkatkan amalan patriotisme dalam diri.

TAJUK : KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB

AL-IMAM ABU HANIFAH		
Nama Penuh	**An-Nukman bin Thabit al-Kufi**	
Tarikh Lahir	**80** Hijrah di Ku**fah**	**KLU : Nuk Fah 80**
Tarikh Wafat	150 Hijrah	
Kuniah	Abu Hani**fah**	
Keperibadian (Klu : **PKM**)	1) Sangat me**muliakan i**lmu pengetahuan 2) **Kuat** beribadat seperti sentiasa melakukan qiamullail, berpuasa sunat 3) Seorang yang **pemurah** dan penyayang 4) Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan.	
Antara Guru Yg Tersohor	▪ Hammad bin Abi Sulaiman ▪ Amru Bin Dina	

Tokoh-Tokoh Mazhab Hanafi	Kesungguhan Al-Imam Abu Hanifah Dalam Menuntut Ilmu
• Abu al-Hasan al-Karkhi • Ibnu Abidin	**Mendalami ilmu Fiqah** krn berpendapat ilmu Fiqah memerlukan kemahiran dan pertimbangan akal yg mendalam dalam menguasai sesuatu hukum dengan baik

SUMBANGAN AL-IMAM ABU HANIFAH	
Hasil Karya	▪ Al-**Fa**ra'id ▪ Al-**Fi**qhul **A**kbar
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	**i. Fatwa para sahabat** **ii. Qias** **iii. Ijmak** **iv. Uruf**
Murid Yang Terkenal	▪ Abu Yusuf ▪ Muhammad al-Hasan As-Syaibani
Mazhab Hanafi Tersebar	Di seluruh Asia Tengah dan Eropah

AL-IMAM MALIK		
Nama Penuh	**Malik bin Anas al-Madani**	
Tarikh Lahir	**93** Hijrah di **Madinah**	**KLU : MAM 93**
Tarikh Wafat	179 Hijrah	
Kuniah	**Abu Abdullah**	
Keperibadian (Klu : **CIH**)	1) Men**cinta**i **Rasulullah** SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yg dimakamkan di sana. 2) Menghormati dan mencintai **ilmu** dengan berpegang teguh pada prinsip "murid mencari guru" 3) Memuliakan majlis pengajian **hadis** Rasulullah SAW dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian. 4) Sanggup berkorban **harta** demi menuntut ilmu.	
Antara Guru Yang Tersohor	▪ Nafi al-Madani ▪ Yahya Bin Sa'id al-Ansor	

Tokoh-Tokoh Mazhab Maliki	Kesungguhan Al-Imam Malik Dalam Menuntut Ilmu
• Ibnu ar-Rusyd • Al-Imam al-Qurtubi • Al-Syeikh al-Dusuki	Sanggup **berpanas terik dan menahan kesejukan demi menuntut ilmu** kerana berpegang pada prinsip iaitu " Seseorang itu tidak akan sampai kepada apa-apa yang dihajati daripada ilmunya sehingga dia benar-benar sanggup berkorban dalam apa-apa jua keadaan".

SUMBANGAN AL-IMAM MALIK	
Hasil Karya	▪ Kitab al-Muwattok
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	**i. Amalan penduduk Madinah** **ii. Qias** iii. Masolihul Mursalin
Murid Yang Terkenal	▪ Al-Imam al-Syafi'e ▪ Abdul Rahman bin Qasim
Mazhab Maliki Tersebar	• Mesir - Andalus • Tunisia • Afrika

TAJUK : KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB

AL-IMAM AL-SYAFI'E		
Nama Penuh	**Muhammad bin Idris al-Syafi'e**	
Tarikh Lahir	**150** Hijrah di **Ghazzah**	**KLU : GAM 150**
Tarikh Wafat	204 Hijrah	
Kuniah	**Abu Abdullah**	
Keperibadian (Klu : **BPK**)	1) Sanggup tinggal bersama-sama dgn kaum Arab Badwi demi menguasai Bahasa, kesusasteraan & kebudayaan Arab. 2) **Sanggup bermusafir jauh** demi kecintaan terhadap ilmu. 3) **Berani menegakkan kebenaran** ketika difitnah oleh puak Syiah dan ketika berdepan dgn Khalifah Harun ar-Rasyid. 4) Sangat **pemurah** kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana. 5) Tinggi sifat warak dan **kuat** beribadat.	
Antara Guru Yang Tersohor	▪ Imam Malik Bin Anas ▪ Sufian Bin Uyainah	

Tokoh-Tokoh Mazhab Syafie	Kesungguhan Al-Imam Al-Syafi'e Dalam Menuntut Ilmu
• Abu Ma'ali al-Juwaini • Abu Hamid al-Ghazali • Ibnu Hajar Al-Haisami	**Sanggup bermusafir jauh, berguru dengan ramai tokoh ilmuan yang terkemuka** sehingga ke Madinah, Baghdad & Mesir dlm masa yg lama semata-mata krn kecintaan trhdp ilmu.

SUMBANGAN AL-IMAM AL-SYAFIE	
Hasil Karya	▪ Ar-**R**isalah ▪ Al-**U**mm **(RUMus)** ▪ Al-**Mus**nad
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	**i. Ijmak** **ii. Qias** **iii.** Istidlal
Murid Yang Terkenal	▪ Ahmad bin Hanbal ▪ Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzni
Mazhab Syafie Tersebar	* Mesir * Malaysia * China * Indonesia * Brunei

AL-IMAM AHMAD BIN HANBAL		
Nama Penuh	**Ahmad bin Muhammad bin Hanbal**	
Tarikh Lahir	**164** Hijrah di **Baghdad**	**KLU : ABA 164**
Tarikh Wafat	241 Hijrah	
Kuniah	**Abu Abdullah**	
Keperibadian (Klu : **BIPI**)	1) Sentiasa menuntut **ilmu** walaupun telah mendapat gelaran Imam yang masyhur 2) Memiliki sifat **pemaaf** yg sangat tinggi. 3) Banyak mem**baca** dan menghafaz Al-Quran sejak berusia 9 tahun 4) Kuat ber**ibadat** nawafil 5) Sanggup dipenjarakan kerana mempertahankan akidah.	
Antara Guru Yang Tersohor	▪ Al-Imam al-Syafie ▪ Abu Yusuf al-Qadhi	

Tokoh-Tokoh Mazhab Hanbali	Kesungguhan Al-Imam Ahmad Dalam Menuntut Ilmu
• Ibnu Qudamah al-Maqdisi • Abdul Halim Ibnu Taimiyyah • Abu Bakar Ghulam al-Khalal	Beliau **sanggup dipukul. dan diseksa dalam penjara** semasa pemerintahan Khalifah Al-Makmun krn bertegas & berpegang teguh mempertahankan pendiriannya tentang "Al-Quran Bukan Makhluk".

SUMBANGAN AL-IMAM AHMAD	
Hasil Karya	▪ Al-**Mus**nad ▪ At-**T**arikh **(MusTa)**
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	**i. Fatwa Sahabat** **ii. Qias** iii. Istishab
Murid Yang Terkenal	▪ Al-Imam Hasan bin Musa ▪ Al-Walid bin Muslim
Mazhab Hanbali Tersebar	• Baghdad • Mesir • Najad

Iktibar daripada keunggulan tokoh

- Kita hendaklah meng**a**malkan **ilmu** yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah.
- Kita hendaklah menghormati **perbezaan** pandangan antara mazhab agar masyarakat hidup harmoni.
- Kita hendaklah men**y**ebarkan **ilmu** dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.

TAJUK : KERAJAAN UTHMANIYAH

Sejarah Kerajaan Uthmaniyah		
Asal Nama Kerajaan	Bersempena nama Uthman Bin Ertughrul, iaitu pengasas Kerajaan Uthmaniyah	
Tempoh Memerintah	1299 – 1924 Masihi	
Kawasan Pemerintahan	Meliputi sebahagian besar Benua Asia, Eropah dan Afrika.	
Bilangan Pemerintah	**37** Orang	**KLU : 37 UA**
Pemerintah Yang Terkenal	**1) Sultan Uthman Bin Ertughrul** 2) Sultan Murad 1 3) Sultan Muhammad Al-Fateh 4) Sultan Sulaiman Al-Qanuni	
Pemerintah Pertama	Sultan **Uthman Bin Ertughrul**	
Pemerintah Terakhir	Sultan **Abdul Majid II**	
Pusat Pemerintahan	➢ Sogut - Edirne ➢ Bursa - **Istanbul**	

Kerajaan Islam yang lain selepas Kerajaan Abbasiyah :

- **Kerajaan Fatimiyah**
- **Kerajaan Ayubiyah**
- **Kerajaan Mamlukiyah**

Masjid utama zaman Kerajaan Uthmaniyah :

- **Masjid Aya Sofia**
- **Masjid Edirne**
- **Masjid Ulu Camii**
- **Masjid Sogut**

TOKOH	BIODATA / RIWAYAT HIDUP	SUMBANGAN TOKOH
Uthman bin Ertughrul	Nama penuh : **Uthman bin Ertughrul** Tarikh lahir : **656 H** Tempoh memerintah : **27 Tahun** Jawatan : **Pemerintah Pertama Kerajaan Uthmaniyah**	• Mengisytiharkan **kemerdekaan** Anatolia daripada Kerajaan Saljuk • Meng**asas**kan Kerajaan Uthmaniyah
Murad I bin Urkhan	Nama penuh : **Murad I bin Urkhan** Tarikh lahir : **726 H** Tempoh memerintah : **30 Tahun** Jawatan : **Pemerintah Ketiga Kerajaan Uthmaniyah**	• Membentuk pasukan **Janissary** • Memodenkan angkatan **tentera** laut • Menjadikan **Edirne** sebagai ibu kota
Muhammad Al-Fateh bin Murad II	Nama penuh : **Muhammad Al-Fateh bin Murad II** Tarikh lahir : **833 H** Tempoh memerintah : **31 Tahun** Jawatan : **Pemerintah Ketujuh Kerajaan Uthmaniyah**	• Membuka **Kota Kostantiniah** tahun 857 H. • Me**w**akafkan **Aya** Sofia sebagai masjid dan membina Kompleks Al-Fateh. • Menyatukan **empayar** di utara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary
Sulaiman Al-Qanuni bin Salim I	Nama penuh : **Sulaiman Al-Qanuni bin Salim I** Tarikh lahir : **900 H** Tempoh memerintah : **48 Tahun** Jawatan : **Pemerintah Kesepuluh Kerajaan Uthmaniyah**	• Mem**buka B**elgrade • Membuka **A**lgeria dan **T**unisia • Menyusun **undang-undang** yang dikenali sebagai **"Kanunname"**

Faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniyah

- **Kemerosotan ekonomi dan beban hutang** negara yang tinggi.
- Gerakan **menuntut kemerdekaan** daripada wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil.
- **Teknologi ketenteraan yang ketinggalan** berbanding dengan kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan.

Iktibar daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah

- Kita hendaklah **menolak campur tangan asing** untuk menjaga kedaulatan negara.
- Kita hendaklah memilih **pemimpin yang berwibawa** supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
- Kita hendaklah sentiasa memperbanyak **penerokaan ilmu** agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

TAJUK : KERAJAAN UTHMANIYAH

Faktor **Kegemilangan** Kerajaan Uthmaniyah

Pentadbiran	• **Pemerintah berperanan** dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi. • Pemerintah **menyelaraskan** pemerintahan dan keagamaan dibantu oleh pegawai pentadbiran.
Keilmuan	• Menjadikan **masjid** sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan, falsafah, kesenian seni bina dan teknikal. • Menaiktaraf dan **membina** institusi masjid seperti Masjid Kasbah di Algeria untuk merancakkan aktiviti keagamaan.
Sosial	• Penjagaan **kebajikan** rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan. • Mewujudkan **suasana** harmoni dalam masyarakat. • Sistem wakaf yang sistematik meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan.
Ketenteraan	• Semangat **jihad** yang tinggi dalam kalangan tentera demi mempertahankan agama dan negara. • Menjaga **kebajikan** tentera dengan menyelaras sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata.

TAJUK : SALAHUDDIN AL-AYUBI

Riwayat hidup / Biodata Tokoh

- Nama penuh : **Yusuf Bin Ayub Bin Shazi**
- Tarikh lahir : **532** Hijrah
- Tarikh Meninggal **: 589** Hijrah
- Jawatan **: Pemerintah bagi Kerajaan Al-Ayubiah**
- Guru yang tersohor : **Ali Bin Al-Hasan Bin Hibatullah**

Ketinggian Akhlak

- Meng**h**ormati para **u**lamak
- **B**erani mempertahankan **a**gama
- Prihatin terhadap kebajikan rakyat

Sumbangan Salahuddin Al-Ayubi

- **Ketenteraan : -** Mem**be**baskan **Baitul Maqdis** daripada penguasaan tentera **S**alib
- **Keilmuan : -** Mengembal**i**kan **s**emula **pegangan akidah Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah** dalam **s**istem pendidikan
- **Pentadbiran : -** Mengubah sebuah **dewan di istana** dengan menjadikannya sebuah **hospital** yang dinamakan al-Bimaristan al-'Atiq
  : - Sebuah **gedung ubatan** disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit

Iktibar daripada keunggulan tokoh Salahuddin Al-Ayubi

- Kita hendaklah **bekerjasama dalam pembangunan negara** supaya negara dihormati diperingkat antarabangsa.
- Kita hendaklah bersifat **cekal menyebarkan dakwah Islamiah** agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.

TAJUK : HASAN AL-BANNA

Riwayat hidup / Biodata Tokoh

- Nama penuh : **Hasan Bin Ahmad Bin Abdul Rahman Muhammad Al-Banna**
- Tarikh lahir : **14 Oktober 1906**
- Tarikh Meninggal **: 12 Februari 1949**
- Jawatan **: Mursyid al-'Am Ikhwanul Muslimin**
- Guru yang tersohor : 1) Ahmad Bin Abdul Rahman Al-Banna 2) Syeikh Muhammad Zahran

Ketinggian Akhlak

- **Memuliakan orang**-orang yang warak dan **soleh**
- **Gigih** menggerakkan usaha dakwah **(MOSGiD)**
- Berlapang **dada** apabila terdapat perbezaan pandangan

Sumbangan Hasan al-Banna

1) **Hasil karya :**
   - **Ris**alah at-**Ta**'alim
   - Al-**Ma**'thurat
2) **Organisasi :** Mengasaskan **P**ertubuhan **I**khwanul **M**uslimin
3) **Antara murid yang masyhur :**
   - **S**ayyid Qutub - **Yu**sof al-Qaradhawi

Iktibar daripada kegigihan Hasan al-Banna dalam menyebarkan dakwah Islam

- Kita hendaklah bijak mempelbagaikan kaedah dakwah agar Islam tersebar luas.
- Kita hendaklah bersikap berani menegakkan kebenaran agar syiar Islam terpelihara

TAJUK : AHMAD BIN IBRAHIM

Riwayat hidup / Biodata Tokoh

- Nama penuh : **Ahmad bin Mohamed Ibrahim**
- Tarikh lahir : **15 Mei 1916**
- Tarikh Meninggal **: 17 April 1999**
- Gelaran **: Profesor Emeritus Tan Sri Dr.**

Tahap Pendidikan Prof Dr Ahmad Ibrahim :

- Victoria Bridge School, Singapura
- Raffles College, Singapura
- University of Cambridge

Pekerjaan Tokoh

- **Pensyarah** kuliah undang-undang di UIAM
- **Hakim** Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah

Ketinggian Akhlak

- **S**uka s**e**barkan ilmu (SEJEK)
- Men**jaga etika keadilan** ketika mengendalikan kes perbicaraan

Sumbangan Prof Dr. Ahmad bin Ibrahim

- **Hasil karya :** **- Menghasilkan buku U**ndang-Undang **K**eluarga **I**slam di **M**alaysia **(UKIM)**
  - Menghasilkan buku Sistem **U**ndang-undang **M**alaysia **(SUM)**
  - Pelopor Jurnal Hukum
- **Kehakiman :** - Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah
- **Perundangan :** - **Pa**nel **pe**ngasas **k**uliah **u**ndang-undang di UIAM
  - Pengasas dan penggubal Enakmen Undang-undang Islam (Hudud & Qisas) Kelantan

Iktibar daripada keunggulan tokoh

- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam **menuntut ilmu** sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.
- Kita hendaklah berusaha untuk **menjadi insan yang adil dan lebih berkualiti** supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.

TAJUK : BERSIKAP BENAR MENJAUHI KEMUNAFIKAN

Hukum bersikap benar dalam Islam.
- Wajib bersikap benar

Maksud Bersikap Benar
- Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan

Tuntutan bersikap benar dalam Islam

Benar dalam **tutur kata**	• Tidak **berbohong** apabila berkata-kata dalam semua keadaan. • Memelihara diri drpd mengeluarkan lafaz yg **jelas** mendatangkan dosa
Benar dalam **niat dan kemahuan**	• Berniat **ikhlas** kerana Allah SWT • Berniat untuk membuat **kebaikan** semata-mata
Benar dlm **keazaman dan cita-cita**	• **Bertekad mencapai** apa-apa yang dicita-citakan • Tindakan yg dilakukan **seiring** dgn keazaman utk mencapai matlamat.
Benar dalam **menepati janji**	• **Berjanji** dengan apa-apa yang mampu ditunaikan. • **Menunaikan** apa-apa yang telah dijanjikan.
Benar dalam **tugas**	• Melakukan tugasan tanpa mengharapkan **balasan.** • Melakukan tugasan dengan cara yang **terbaik.**

Contoh sikap benar yang diamalkan oleh Rasulullah SAW
1) Rasulullah SAW menyampaikan wahyu Allah SWT kepada umat manusia dengan bersifat benar. **Baginda tidak menokok tambah ayat yang disampaikan.**
2) Rasulullah SAW juga pernah bergurau namun **Baginda sentiasa bersikap benar walaupun ketika sedang bergurau**

Hikmah / kelebihan bersikap benar
- Menenangkan hati kerana tidak melakukan dosa.
- Terpelihara daripada sifat munafik yang dibenci oleh Allah

Sebab pelajar mengabaikan bercakap benar dlm kehidupan
- Dipengaruhi oleh rakan untuk menutup sesuatu kesilapan.
- Menutup kelemahan diri agar tidak diketahui oleh orang lain

Tanda / ciri / sifat orang munafik.
- Apabila berkata-kata dia akan berdusta
- Apabila berjanji dia akan mungkir janji
- Apabila diberi kepercayaan dia akan mengkhianati

TAJUK : ADAB TERHADAP ORANG SAKIT

Adab menyantuni orang sakit

IBADAT	EMOSI	FIZIKAL
• Men**doa**kan kesihatan mereka. • Mem**bantu** mereka yang ingin melakukan ibadat. **(I - BD)**	• Memberikan **semangat** dan motivasi agar mereka sabar & reda. • Tidak lakukan sesuatu yg boleh mengganggu **ketenteraman** mereka dengan bunyi bising. **(E - SK)**	• Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa **bersih.** • Menyediakan keperluan dan **kemudahan** asas untuk pesakit. **(F - KB)**

Hikmah beradab kepada orang sakit
- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah
- Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah
- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit

TAJUK : ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA

Maksud Orang Kurang Upaya

- Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya

Adab terhadap orang kurang upaya.

IBADAT	EMOSI	FIZIKAL
• Menyediakan **kemudahan** kepada mereka untuk melakukan ibadat dengan selesa. • Membantu mereka dengan memberikan **tunjuk ajar** mengenai urusan ibadat	• Memberikan **layanan** dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka • Tidak **mengejek** dan menghina mereka	• Memastikan kemudahan **asas** yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan. • Menyediakan **ruang** dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka.

Hikmah beradab kepada orang kurang upaya

- Melahirkan **rasa syukur** kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna.
- **Memudahkan** orang kurang upaya melakukan urusan harian agar hidup tenang.
- Memupuk **sifat kebersamaan** terhadap semua golongan masyarakat agar perpaduan dapat diwujudkan.

TAJUK : KHAUF DAN RAJA'

Maksud Khauf

- **Takut kepada kemurkaan dan azab Allah** SWT dengan menjauhi segala laranganNya.

Maksud Raja'

- **Mengharapkan keredaan** Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya

Cara mendapatkan Khauf dan Raja'

Cara Mendapatkan Khauf	Cara Mendapatkan Raja'
• Bergaul dengan ulamak dan para solihin.	• Bermujahadah menentang hawa nafsu.
• Sentiasa bertaubat	• Melaksanakan amal ibadat dengan penuh kesungguhan
• Sentiasa mengingati mati.	• Tidak berputus asa dengan merayu kepada Allah.

Contoh Khauf dan Raja' yang diamalkan oleh Rasulullah SAW

1) Rasulullah SAW mendirikan Solat Sunat Gerhana Matahari dengan khusyuk. Pada sujud terakhirnya, Baginda **menangis kerana berasa takut Allah** menurunkan azab.

2) Anas meriwayatkan bahasa **Rasulullah SAW menziarahi seorang lelaki yang sedang terlantar**. Rasulullah SAW bertanya tentang perasaannya pada ketika itu. **Lelaki itu memberitahu Baginda bahawa dia sangat mengharapkan rahmat Allah dan berasa sangat takut akan dosa-dosa yang pernah dilakukannya.**

Konsep Khauf dan Raja' yang seimbang

- **Rasa takut kepada Allah** hendaklah diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak.
- **Mengharapkan keredaan Allah** di samping menjauhi larangan Allah.
- **Ganjaran syurga dapat menjadi motivasi** untuk seseorang itu melakukan kebaikan
- **Perasaan khauf terhadap balasan neraka** akan menjadi benteng daripada melakukan maksiat.

Hikmah Khauf dan Raja'

- Melahirkan insan yang **sentiasa mengingati Allah** dalam setiap keadaan agar hidup diberkati.
- Mendidik jiwa insan agar **sentiasa menjauhi larangan Allah** kerana takut akan kemurkaan-Nya
- Melahirkan insan yang **sentiasa bertawakal kepada Allah** setelah berusaha bersungguh-sungguh

TAJUK : WASATIYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

Maksud Wasatiyah
- Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan

Prinsip wasatiyah
- Kesederhanaan - Keadilan
- Kecemerlangan - Keseimbangan

Maksud Kesederhanaan
- Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.

Aspek Kesederhanaan
- Menunaikan tugas dengan **sempurna** dan penuh bertanggungjawab.
- Melaksanakan **tugas sebagai hamba Allah** dan khalifah di muka bumi.

Ciri-ciri ummatan wasatan
- Umat yang **terpilih** dan adil.
- Umat terbaik dan **pertengahan** dalam semua perkara & tidak melampaui batas
- **Tidak mementingkan material** semata-mata seperti Yahudi
- Tidak berlebih-lebihan dalam urusan agama dan spiritual semata-mata seperti Nasrani.

Maksud Keseimbangan
- Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan

Aspek Keseimbangan

Rohani	• Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan **istiqamah** • Melakukan ibadat dengan **ikhlas.**
Jasmani	• Mengambil makanan yang baik dan **seimbang** untuk jaga kesihatan tubuh badan. • **Berehat** setelah penat bekerja agar badan cergas
Aqli	• Menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan **akal** seperti dadah dan arak. • Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan **ilmu**.

Maksud Keadilan
- Meletakkan sesuatu **sesuai dengan suasana, masa dan tempat**

Aspek Keadilan
- Menunaikan **hak** kepada mereka yang berhak menerima.
- Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara **hikmah** antara dua perkara yang ekstrem

Maksud Kecemerlangan
- Pendekatan yang terbaik dalam **melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran** serta berkeyakinan teguh pada Allah.

Ciri-ciri Umat Cemerlang / Aspek Kecemerlangan
- Melakukan **kebaikan** seperti memakmurkan bumi
- **Mencegah** diri daripada melakukan kezaliman dan kekejaman.
- Melakukan semua **tugas** dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah

Hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah
- **Tahap pendidikan** masyarakat dapat ditingkatkan mengikut keperluan negara.
- **Ekonomi masyarakat** yang stabil dapat dijana kerana tiada berlaku pembaziran.
- **Syiar Islam** dapat ditegakkan dengan menyempurnakan akhlak

Tiga orang lelaki telah ditegur oleh Rasulullah SAW kerana melakukan perkara yang melampaui batas iaitu:
1) **Berpuasa sehingga tidak membuka.**
2) **Mendirikan solat malam sehingga tidak tidur.**
3) **Tidak mahu bernikah.**

TAJUK : TAWADUK MENZAHIRKAN KESUCIAN

Maksud tawaduk

- Sikap **kerendahan hati** kepada Allah SWT dan sesama manusia

Contoh sifat tawaduk Rasulullah SAW

Tawaduk Dalam Pergaulan	• Rasulullah SAW bergaul dengan kanak-kanak walaupun mempunyai kedudukan yang mulia, • Baginda menghormati dan menyayangi kanak-kanak. • Rasulullah SAW selalu menyantuni kanak-kanak dengan mendahulukan ucapan salam ketika bertemu dan membelai rambut mereka
Tawaduk Dalam Rumahtangga	• Rasulullah SAW bersama-sama membantu isteri melayani keluarga dan menguruskan rumahtangga. • Rasulullah SAW menampal selipar dan menjahit pakaian
Tawaduk ketika makan dan minum	• Rasulullah SAW tidak pernah mencela makanan yang disediakan untuk Baginda.

Cara menanamkan sifat tawaduk dalam diri

- Sentiasa **muhasabah diri** agar dapat memperbaiki kelemahan diri
- **Menyucikan jiwa** dengan selalu berzikir mengingati Allah

Hikmah bersikap tawaduk

- **Dikasihi masyarakat** kerana tidak bersikap sombong
- Mendapat **kedudukan yang mulia** di sisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur
- Membentuk **keluarga yang harmoni** kerana saling menghormati antara samu sama lain

Kesan mengabaikan sifat tawaduk dalam kehidupan seharian

- Dibenci oleh orang lain.
- Hidup tidak diberkati Allah
- Merenggangkan hubungan silaturrahim

TAJUK : ISTIQAMAH JALAN MENUJU MUJAHADAH

Maksud Istiqamah

- **Ketaatan yang berterusan** dalam melaksanakan suruhan Allah dan menjauhi laranganNya.

Maksud Fastaqim

- **Keteguhan memelihara iman** dalam melaksanakan suruhan Allah dan tinggalkan laranganNya.

Contoh sifat istiqamah Rasulullah SAW

Istiqamah Dalam Ibadat	Rasulullah SAW istiqamah beribadat kepada Allah. Baginda tidak jemu memohon keampunan daripada Allah walaupun Baginda seorang yang maksum.
Istiqamah Dalam Berdakwah	Rasulullah SAW tetap berdakwah menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman

Cara memiliki sifat istiqamah

- Sentiasa **muhasabah** diri agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan
- Sentiasa **berkawan** dengan rakan yang berdisiplin dalam melakukan kebaikan
- Sentiasa **berdoa** kepada Allah agar dapat melaksanakan segala suruhanNya

Hikmah mengamalkan sifat istiqamah

- Membentuk insan yang **teguh pendirian** dalam mempertahankan kebenaran.
- Membangunkan **ekonomi** kerana komitmen semua pihak untuk memajukan negara.
- Memupuk sikap sanggup **berkorban harta dan nyawa** demi mempertahankan Islam

Tingkahlaku murid yang bersifat istiqamah dalam menuntut ilmu

- Sentiasa hadir ke sekolah pada setiap hari
- Sentiasa mengulangkaji pelajaran

TAJUK : ALAM SEKITAR PENENANG MINDA

Maksud alam sekitar
- **Segala benda hidup dan bukan hidup** yang terdapat di sekeliling manusia seperti pokok, binatang dan sungai.

Hari Alam Sekitar Malaysia
- Disambut pada **21 hingga 27 Oktober** setiap tahun selama seminggu bagi **meningkatkan kesedaran** tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Maksud Eko-Pelancongan
- Pelancongan yang berasaskan sumber dan pemeliharaan alam semulajadi.

Adab-adab menjaga alam sekitar
- Sentiasa **berhemah** dan tidak membazir menggunakan sumber air.
- Sentiasa **menjaga kelestarian alam** seperti menjaga kebersihan sungai
- Sentiasa mengamalkan **cara hidup yang mesra alam** seperti kitar semula

Kesan kerosakan alam sekitar
- Kesihatan diri manusia akan terjejas
- Sumber makanan manusia akan musnah
- Mudah berlaku bencana alam seperti hakisan dan banjir

Punca berlaku kerosakan alam sekitar
- **Pembuangan sampah** merata-rata.
- **Bahan buangan kilang / toksik** ke dalam sungai.

Hikmah mengamalkan adab menjaga alam sekitar
- **Meningkatkan pendapatan** kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan.
- Melapangkan fikiran dan **menenangkan jiwa** kerana melihat keindahan alam.
- Melestarikan alam sekitar yang indah untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang.

Amalan hijau untuk menjaga alam sekitar
- Mengurangkan penggunaan beg plastik
- Sentiasa mengamalkan cara hidup yg mesra alam seperti amalan kitar semula
- Sentiasa memelihara alam sekitar seperti penanaman semula pokok bakau

TAJUK : SIFAT MAZMUMAH MERACUNI HATI

Maksud Mazmumah
- Sifat dan tingkah laku keji yang berlawanan dengan syarak

Sifat mazmumah yang perlu dihindari yang disenaraikan oleh Imam al-Ghazali rahimahullah
- Banyak makan dan minum
- Pemarah
- Hasad dengki
- Menunjuk-nunjuk (riak)
- Bersikap sombong (takbur)
- Bangga diri (‘ujub)

Maksud Riak
- Melakukan amalan untuk **dilihat dan dipuji** oleh orang lain

Contoh Riak
- Melaksanakan solat sunat hanya **jika berada di hadapan orang**
- Bersedekah kerana **mengharapkan pujian manusia**

Maksud Ujub
- Berasa **bangga** dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri

Contoh Ujub
- Berasa **bangga** dengan kehebatan **ilmu** yang dimiliki
- Merasakan **diri lebih soleh** berbanding orang lain.

Hikmah meninggalkan sifat mazmumah terhadap individu:
- Mendidik jiwa supaya sentiasa tunduk kepada kekuasaan Allah SWT.
- Mendapat ketenangan hidup kerana menjaga hubungan sesama manusia.

Maksud Hasad
- Perasaan **dengki** melihat kelebihan yang ada pada seseorang dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya.

Contoh Hasad
- Berasa **dengki** dgn rakan yg memiliki **kekayaan** harta atau pangkat & berharap agar dia jatuh miskin.
- Berasa **cemburu** dgn seseorang yg memiliki **rupa paras** yg cantik dan berharap agar dia jadi cacat.

Cara meninggalkan sifat mazmumah
- Sentiasa **muhasabah** diri agar terhindar daripada sifat mazmumah.
- **Mencontohi akhlak mulia** para rasul dan sahabat dalam kehidupan.

PANDUAN MUDAH MENJAWAB SOALAN

Soalan : **Punca / Sebab Berlaku / Mengapakah Terjadi / Faktor Berlaku**

- Kurang didikan / pengetahuan agama
- Iman yang lemah
- Terpengaruh dengan rakan sebaya

Soalan : **Cara Menghindari / Menjauhkan diri / Mengelakkan diri**

- Menghadiri majlis ilmu
- Bergaul dengan alim ulamak
- Membaca buku-buku agama

KBAT : Soalan Cara mengatasi / menangani perkara tersebut.

Sesungguhnya saya / kita perlu memberi nasihat secara baik. Hal ini kerana mereka akan sedar dan berubah ke arah yang lebih baik. Kesannya kehidupan mereka akan diberkati oleh Allah. Kesimpulannya kita hendaklah …… agar hidup bahagia dunia akhirat

Atau

Sesungguhnya saya / kita perlu melapor kepada pihak berkuasa. Hal ini kerana pihak berkuasa akan menyiasat dan mengambil tindakan. Kesannya kes akan semakin berkurangan. Kesimpulannya kita hendaklah **……** agar hidup bahagia dunia akhirat

KBAT : Soalan Ramalkan apa yang akan berlaku kepada masyarakat ……

Sesungguhnya masyarakat akan hidup dalam keadaan huru-hara. Hal ini kerana kurangnya pengetahuan dalam diri mereka. Kesannya kehidupan mereka tidak diberkati Allah. Kesimpulannya kita hendaklah …….. ……. agar hidup bahagia dunia akhirat.

Soalan : **Cara Menangani / Mengatasi / Membasmi / Membendung**

- Memberikan nasihat dan teguran
- Melaporkan kepada pihak berkuasa
- Mengadakan kempen kesedaran

Soalan : **Kesan Implikasi / Akibat / Kesan buruk / Keburukan terhadap .....**

Individu :

- Dimurkai oleh Allah
- Dibenci oleh masyarakat
- Jiwa tidak tenang

Masyarakat

- Masyarakat terputus silaturahim
- Masyarakat hidup dalam huru-hara

Negara

- Negara menjadi mundur
- Negara tidak aman

Soalan : **Kesan baik / Kebaikan / Hikmah / Faedah / Kelebihan / Kepentingan**

Individu :

- Dikasihi oleh Allah
- Dihormati oleh masyarakat
- Jiwa menjadi tenang

Masyarakat

- Membentuk masyarakat berakhlak mulia
- Masyarakat hidup aman damai

Negara

- Ekonomi negara bertambah maju
- Negara menjadi aman